


Jilid I
Bil. 65



Hari Isnin
17hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7269]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7281]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7281]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 17hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan,
DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung
Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).

„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).

„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

Yang Berhormat DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok-Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M. K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RANCANGAN RUKUN TETANGGA

1. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana sokongan-sokongan dan sumbangan-sumbangan yang diberi oleh Parti-parti Pembangkang kepada usaha Kerajaan melaksanakan dasar Rukun Tetangga di seluruh negara, dan adakah penglibatan mereka itu akan menggambarkan sejauh mana pula taat setia mereka kepada negara Malaysia.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang pemimpin Parti-parti Pembangkang (Opposition) ada turut hadir bersama-sama pada pelancaran Rasmi Rukun Tetangga di Sentul dan di kawasan Jalan Brunei, Pudu, pada 15hb Oktober lalu dan juga di Pembukaan Rasmi Rukun Tetangga di Jalan Pekeliling minggu lepas.

Antara tokoh-tokoh yang tersebut adalah Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kuala Lumpur Bandar dan Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kepong dan di Alor Setar pada 15hb November, 1975, saya telah menerima kasih di atas sokongan mereka berdua dan bagi mereka yang belum membaca ada disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 15hb November, 1975, dimuka 3. Saya harap kehadiran mereka itu membuktikan sokongan mereka kepada Rancangan Rukun Tetangga. Saya minta ramai lagi tokoh-tokoh pihak Pembangkang yang akan menyertai dalam pembukaan rasmi Rukun Tetangga.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini samada pihak Kerajaan meminta kerjasama daripada Parti-parti Pembangkang untuk memberi sumbangan-sumbangan dan sokongan-sokongan dalam peringkat merancang atau menderafkan Peraturan-peraturan Rukun Tetangga dan sekiranya tidak, kenapa tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau bertanya berkenaan dengan "menderafkan" sudah keluar daripada soalan asal, tidak payah dijawab.

PRINSIP RUKUN TETANGGA

2. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan dengan mendalam prinsip Rukun Tetangga dan apakah matlamat yang Kerajaan ingin mencapai daripadanya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di antara prinsip-prinsip Rukun Tetangga yang utama ialah memupuk semangat taat setia, menguatkan disiplin dan perasaan tanggungjawab serta perpaduan di kalangan rakyat dari berbagai keturunan dengan tujuan membentuk satu masyarakat yang berdikari dalam semua aspek kehidupan kita.

Menerusi rancangan Rukun Tetangga ini kita harap tenaga rakyat digembelinkan dalam usaha menjaga keselamatan dan mengekalkan keamanan sebagai satu cara membuktikan taat setia mereka kepada negara ini.

Sehingga masa ini sebanyak 23 sektor Rukun Tetangga telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia termasuk 4 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah pada 15hb November, 1975. Saya sendiri serta beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri telahpun menerangkan matlamat yang ingin kita capai dan saya berharap Ahli-ahli yang Berhormat akan menelitinya dengan lebih lanjut lagi termasuk ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu melancarkan Rukun Tetangga di Kampung Kasapilay pada 29hb Ogos, 1975.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan beberapa tujuan-tujuan atau prinsip-prinsip Rukun Tetangga, antaranya ialah memupuk taat setia, menguatkan disiplin di antara rakyat jelata dan lainnya, adakah benar bahawa tujuan utama tidak disebutkan ialah untuk mengatasi soal-soal keselamatan yang sedang dihadapi oleh negara sekarang.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, antara prinsip yang saya ada sebutkan tadi, satu daripadanya ialah kita berharap

melalui Rukun Tetangga, rakyat akan menyertai dan mengambil bahagian untuk menjaga keselamatan kawasan masing-masing dan melalui menjaga kawasan masing-masing melalui keselamatan dan keamanan negara.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa satu daripada dasar atau tujuan Rukun Tetangga ini ialah untuk hendak menimbulkan semangat taat setia kepada negara ini. Saya ingin mendapat penjelasan apakah yang boleh kita anggap kepada mereka yang terang-terang mencabar dan menentang Rukun Tetangga ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahannya?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Apakah yang kita hendak anggap kepada rakyat atau mereka yang terang-terang menentang dan mencabar Rukun Tetangga ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sekiranya tujuan-tujuan seperti memupuk taat setia dan memperkuat disiplin rakyat sama mustahaknya dengan tujuan untuk keselamatan negara, mengapakah Kerajaan menggunakan Ordinan Dharurat No. 1/1969 untuk melaksanakan peraturan-peraturan Rukun Tetangga dan bukan sebagai satu peraturan atau satu Akta melalui perbahasan dan kelulusan Parlimen.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan demi mustahaknya Rukun Tetangga ini berjalan dengan sempurna dan demi kejayaannya bukannya penting bagi Kerajaan dan mereka yang berkaitan mendapat kerjasama sepenuhnya dari segala lapisan rakyat, termasuk semua parti, dan mengelakkan perkara ini dari menjadi suatu permainan parti.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas sentiasa membaca suratkhobar, Kerajaan berpuas hati dengan sambutan dari seluruh lapisan rakyat berbilang bangsa kepada Rancangan Rukun Tetangga dan di Alor Setar, Kedah pada 15 haribulan, saya telah berucap juga mengatakan bahawa Rukun Tetangga ini non-political. Barangkali dengan sebab non-political itulah kita mendapat

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Non-partisan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan menghalang semasa seorang Ahli sedang bercakap. Kalau hendak bercakap bangun dahulu.

Datuk Abdullah Ahmad: Mendapat sambutan yang baik daripada semua kalangan rakyat berbilang bangsa.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM EKONOMI NEGARA

4. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sebanyak mana kemajuan yang telah dicapai dalam menjalankan dasar bahawa 30% dari ekonomi negara akan berada dalam tangan bumiputra dalam masa 20 tahun lagi.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua seperti yang telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri kepada Dewan ini di masa lepas dan juga diterangkan dalam kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua, kemajuan pada aspek ini adalah memuaskan. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui Badan-badan Berkanun dan Perbadanan Ekonomi Negeri menunjukkan kemajuan—yang lebih nyata khasnya mengenai penyertaan Bumiputra dalam sektor ekonomi modern.

PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab kurang pesatnya tercapai Dasar Ekonomi Baru, dalam mana ia telah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% ekonomi untuk penyertaan bumiputra dalam satu tempoh

masa yang ditetapkan, adalah kerana pelaksanaannya kurang pesat mendapat kemajuan iaitu kebanyakan daripada kakitangan Kerajaan masih lagi berpegang pada semangat lama mengamalkan "red tape" dan "bureaucracy" sementara Dasar Ekonomi Baru menghendakkan kakitangan Kerajaan supaya "action oriented". Jika ya, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh beliau untuk membetulkan keadaan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah semuanya benar meskipun saya akui ada terdapat sedikit sebanyak kelemahan di sana sini dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu. Seperti yang telah diterangkan oleh Perdana Menteri di masa-masa yang lampau, kegiatan agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun adalah sentiasa diawasi dan diselaraskan pada setiap peringkat dari bawah hingga kepada Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

CUTI TAHUNAN PERDANA MENTERI

5. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah mengambil sebarang cuti tahunan semenjak 24hb Ogos, 1974 hingga sekarang dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana bertimbang-rasa dan mengambil berat di atas kesihatan dirinya. Oleh kerana tugas dan tanggungjawab Perdana Menteri yang begitu banyak, beliau tidak dapat mengambil cuti yang panjang. Bagaimanapun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat peluang selama beberapa hari berihat bersama-sama keluarganya pada akhir tahun lepas.

PERBUATAN RASUAH— PENYIASATAN DI RISDA

6. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana kerugian \$10,000,000.00 di RISDA melalui rasuah, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk mengelak rasuah seperti ini berlaku lagi di RISDA dan di

Badan-badan Berkanun seperti PERNAS, FELDA, FELCRA, UDA, berbagai-bagai Badan-badan Pembangunan Negeri dan lain-lain lagi.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, perkara ini masih dalam penyiasatan lagi. Bagaimanapun saya telah menegaskan iaitu langkah-langkah akan sentiasa diambil supaya perbuatan-perbuatan rasuah di mana-mana jua akan dihapuskan.

PENGAMPUNAN KEPADA HUKUMAN MATI

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah benar bahawa hukuman-hukuman mati kerap kali tidak dijalankan oleh kerana tendensi kuat untuk memberi pengampunan yang berjalan dalam negara ini dan bagaimanakah keadaan ini dapat diatasi.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, itu tidaklah benar. Pengampunan diberi kepada seseorang mengikut merit tiap-tiap satu kes yang tertentu. Itupun bukanlah hukuman itu dihapuskan sekali tetapi hukuman gantung itu digantikan jel atau penjara seumur hidup.

MUTU BARANG-BARANG TEMPATAN

8. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menearangkan kawalan-kawalan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menjamin mutu barang-barang keluaran tempatan, terutama perusahaan yang diberi taraf perintis; misalnya, selalu terdapat sungutan dari pengguna kerana tayar yang kurang baik jika dibandingkan dengan tayar (jenis yang sama) yang diimport.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengenakan syarat yang sesuai kepada syarikat-syarikat perindustrian bagi menjamin mutu barang-barang keperluan tempatan terutama syarikat perindustrian yang diberi taraf perintis di mana barang-barang keluaran syarikat-syarikat tersebut hendaklah mencapai mutu yang diterima oleh Kementerian

saya dan hendaklah mengikut mutu piawaian yang telah diluluskan oleh Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (S.I.R.I.M.). Sekiranya piawaian yang berkenaan tidak ada, maka piawaian ataupun standard yang telah dibuat oleh negara-negara maju seperti British Standard Specification dijadikan asas panduan.

Walau bagaimanapun sekiranya ada aduan mengenai mutu keluaran barang-barang tempatan, Kementerian saya dengan kerjasama S.I.R.I.M. akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

GAJI KAKITANGAN MAS

9. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan samada terdapat perbezaan mengenai gaji yang dibayar oleh MAS kepada anggota dan kakitangannya dengan gaji yang dibayar oleh SIA kepada anggota dan kakitangannya, jika ya, samada Kementerian telah membuat sebarang usaha untuk menyamakan gaji mereka untuk mengelakkan pemogokan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, perundingan mengenai kadar tanggagaji pekerja-pekerja MAS telah dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan, dan oleh kerana itu perbincangan mengenai-nya akan menjadi *subjudice*.

RUMAH HARGA MURAH

10. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kerajaan akan menjalankan rancangan membina rumah-rumah murah di bandar-bandar kecil seperti di kawasan Majlis-majlis Tempatan atau di Kampung-kampung Baru, kerana kebanyakan rancangan rumah-rumah seperti itu hanya dibina di bandar-bandar besar sahaja.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah membina rumah-rumah kos rendah di bandar-bandar kecil seperti di kawasan Majlis-majlis Tempatan dan kawasan-kawasan berdekatan dengan Kampung-kampung Baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua (1971-1975) sebanyak 5,802 yunit rumah-rumah kos rendah telahpun dibina di bandar-bandar kecil di Semenanjung Malaysia.

Kerajaan juga telah merancang untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah di bandar-bandar kecil di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

TUNTUTAN KESATUAN SEKERJA

11. Datuk Peter Lo Su Yin (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat:

- (a) samada didapati kesatuan-kesatuan sekerja yang menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap majikannya kerana tuntutan mereka tidak berjaya dan mengancam akan bekerja mengikut peraturan, mogok dan sebagainya, kiranya ada, terangkan mana kesatuan-kesatuan yang masih belum menggugurkan tuntutan-tuntutan mereka; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang mengharamkan tuntutan-tuntutan seperti ini dalam masa negara menghadapi kekurangan wang sekarang ini sehingga kewangan negara pulih dan apakah tindakan yang akan diambil supaya pekerja-pekerja bekerja dengan lebih rajin lagi dan mengeneipkan tuntutan mereka buat sementara waktu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hampir kesemua kesatuan sekerja yang tidak berjaya dalam tuntutan mereka akan menyatakan rasa tidak puas hati terhadap majikan mereka, kerana ini telah menjadi kebiasaan apabila seseorang itu tidak dapat apa yang dikehendakinya. Ada sebilangan kesatuan sekerja mengancam akan bekerja mengikut peraturan, mogok dan lain-lain lagi kerana ini adalah taktik-tektik biasa kesatuan sekerja. Oleh kerana telah menjadi amalan kesatuan sekerja secara am, maka tidaklah dapat diterangkan satu persatu nama kesatuan sekerja itu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

- (b) Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengharamkan tuntutan-tuntutan tersebut. Tindakan-tindakan yang sewajarnya adalah sentiasa diambil oleh majikan-majikan yang berkenaan supaya pekerja-pekerja mereka berusaha dengan lebih rajin lagi, kerana pihak majikan sendiri hendaklah menentukan kerja-kerja dijalankan jika syarikat mereka ingin kekal.

KHALWAT—PENGLIBATAN ORANG BUKAN ISLAM

12. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenarnya yang menyebabkan orang bukan Islam yang terlibat dalam kes KHALWAT tidak dapat didakwa di Mahkamah;
- (b) cadangan yang dibuat untuk mengatasi masalah yang buruk ini; dan
- (c) halangan yang menyekat dari terlaksananya undang-undang yang sangat diperlukan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebab yang sebenar orang-orang yang bukan Islam tidak boleh didakwa di Mahkamah Syariah ialah kerana Perlembagaan ada menyatakan hukum syara' adalah berkuatkuasa bagi orang-orang yang menganut agama Islam sahaja. Yang demikian, seseorang yang bukan Islam kalau didapati bersubahat dengan secara BERKHALWAT dengan seorang Islam, maka perbuatan itu tiada menjadi kesalahan di bawah Undang-undang Syara' Negeri pada orang yang bukan Islam itu dan mereka tidak boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Mereka tidak juga boleh didakwa di Mahkamah biasa oleh sebab KHALWAT bukanlah satu kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Persekutuan.
- (b) Cadangan yang dibuat untuk mengatasi masalah yang buruk ini ialah:
 - (i) hendaklah diajar kepada orang-orang Islam jangan berkhalwat kerana itu adalah kesalahan yang besar disisi Syara' dan juga di bawah undang-undang Syariah Negeri.

- (ii) diadakan hukuman yang lebih berat kepada orang-orang Islam yang bersalah kerana berkhalwat.

- (c) Sebagaimana yang saya telah menjawab dalam satu soalan yang berkaitan dengan soalan ini pada 14hb November, 1975 yang lalu, Kerajaan tidak bercadang di masa ini untuk mengadakan satu undang-undang khas Undang-undang Khalwat diadakan bagi semua penduduk di negeri ini oleh sebab undang-undang itu sukar diterima oleh orang-orang yang bukan Islam sebagai menyekat kebebasannya dan sukar untuk dilaksanakan dan lain-lain sebab yang saya telah sebutkan pada tarikh tersebut.

FEDERAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY, PETALING JAYA—ADUAN PELAJAR-PELAJAR

13. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menyiasat tentang aduan yang dibuat oleh pelajar-pelajar Federal Institute of Technology di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya tentang tidak puas hati mereka mengenai matlamat dan kelengkapan-kelengkapan sekolah tersebut dan mereka tiada jalan lain dengan memulaukan kelas dalam bulan September yang lalu. Nyatakan juga berapa kali pegawai-pegawai dari Kementerian beliau telah dihantar untuk menyiasat aduan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telahpun menyiasat aduan yang dikemukakan oleh penuntut Federal Institute of Technology, Petaling Jaya. Dalam penyiasatan itu adalah didapati bahawa aduan yang dibuat itu tidaklah seburuk sebagaimana yang dikatakan.

Walau bagaimanapun, adalah dirasai bahawa bilangan dan qualiti buku-buku, di khutubkhanah terlalu sedikit dan patut diperbanyakkan bilangannya, bilik makmal atau woksypop juga tidak lengkap, keadaan asramanya tidak teratur. Instituti tersebut telah dinasihatkan mengenai perkara-perkara di atas. Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran telah melawat Instituti tersebut 3 kali dan didapati bahawa aduan itu tidaklah mempunyai asas yang konkrit.

TANGGAGAJI KAKITANGAN PARA MEDICAL DI HOSPITAL SARAWAK

14. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kakitangan PARA MEDICAL di hospital-hospital di Sarawak akan menerima tingkatan gaji kanan atau tingkatan khas sama seperti rakan-rakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengadakan satu kajian semula terhadap tanggagaji-tanggagaji bagi jawatan-jawatan separa perubatan di Sarawak dan satu cadangan telahpun dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak supaya tanggagaji-tanggagaji yang berlainan seperti yang ujud sekarang dapat diselaraskan bagi jawatan-jawatan berkenaan. Dalam cadangan itu juga Kementerian ini telah mengesyorkan supaya diwujudkan gred-gred Tingkatan Khas sepertimana terdapat di Semenanjung Malaysia.

PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI BARU

15. Tuan Leo Moggi anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri memberi jumlah bilangan pengundi-pengundi baru yang telah mendaftarkan diri mereka pada tahun ini dengan memberi angka-angka bagi setiap negeri.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran pengundi-pengundi baru dalam tempoh pendaftaran 15hb September hingga 18hb Oktober, 1975 sedang diproses oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah pendaftaran ini suka saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan samada kita ada satu undang-undang khas yang boleh mengawal pendaftaran pengundi iaitu orang yang tinggal di tempat lain tetapi mengundi di tempat lain, sebab ada berita mengatakan tidak ada ketentuan di mana seseorang boleh mendaftar di mana-mana tempat yang dia suka walaupun dia tidak tinggal di situ. Adakah undang-undang yang boleh mengawal masalah itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis atas soalan tambahan ini.

ANGKATAN TENTERA—KESULITAN KAKITANGAN UGAMA

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh kakitangan Uagama dalam pasukan tentera (Guru Kanan, Bilal, Imam) mengenai pentadbiran; jika ya, nyatakan:

- (a) siapa yang bertanggungjawab tentang pentadbiran iaitu samada Ketua Pasukan Batalion masing-masing atau Pegawai Tadbir Am di Kementerian Pertahanan;
- (b) sebabnya mereka dimaki hamun bila tidak mengajar keluarga pegawai di rumah mereka masing-masing; dan
- (c) dasar yang sedang berjalan tentang sekim perkhidmatan mereka, dan samada terdapat cadangan baru untuk mengubah sekim sekarang kepada yang lebih baik, jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran harian Pegawai Uagama dalam pasukan tentera adalah tanggungjawab Pegawai Pemerintah Yunit yang berkenaan, tetapi pentadbiran berkenaan perkhidmatan mereka seperti pertukaran, kenaikan pangkat, kenaikan gaji, cuti dan sebagainya adalah tanggungjawab Bahagian Tadbiran Am Kementerian, kerana mereka ialah pegawai awam.

Setahu saya Kementerian tidak ada menerima sebarang aduan berkenaan pegawai uagama dimaki hamun kerana tidak mengajar keluarga pegawai di rumah mereka masing-masing. Pegawai uagama tidak diwajibkan mengajar keluarga pegawai di rumah kerana tanggungjawab mereka ialah untuk mengajar uagama di madrasah-madrasah atau tempat-tempat yang disediakan di yunit untuk maksud itu.

Sekim perkhidmatan pegawai uagama yang ada pada masa ini adalah sekim perkhidmatan yang paling terbaharu yang mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1975. Sekim perkhidmatan ini adalah sama dengan sekim perkhidmatan yang terdapat di Jabatan-jabatan Uagama Negeri.

MENYEMBAH KUBUR KERAMAT ORANG ISLAM

17. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan undang-undang mencegah orang ramai daripada menyembah kubur-kubur Keramat Orang-orang Islam memandangkan kepada kesucian Islam sendiri.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, memang ada golongan-golongan umat Islam yang menjalankan kerja-kerja syirik dan khurafat seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pusat Penyelidikan Islam di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, sedang menjalankan penyiasatan atas perkara ini dan mencari jalan dan cara-cara untuk menghapuskannya. Sementara itu Instituti Dakwah dan Latihan Islam dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam juga mengambil langkah-langkah pula bagi menghapuskan perbuatan khurafat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb November, 1975).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu sa' u jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang

dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjaan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." (14hb November, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat bercakap dalam usul ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ada tidak kurang daripada 15 Rang Undang-undang selain daripada usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang hendak dibincangkan dan dibahaskan di Dewan ini, setelah membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan usul mengenai dengan Anggaran Pembangunan Sementara dan juga saya dapati ada ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan usul ini. Oleh sebab itu, perbahasan mengenai usul ini akan ditamatkan pada akhir hari Rabu dan Yang Berhormat Menteri-menteri akan mulai menjawab pada hari Khamis dan hari Jumaat. Saya terpaksa menghadkan masa mulai daripada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap tak lebih daripada 20 minit tiap-tiap seorang. Jadi saya harapkan Ahli Yang Berhormat dapat berkerjasama dan menjaga waktu ini tidak lebih daripada 20 minit. Perkara-perkara yang sudah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap sebelum daripada ini tak payah dikemukakan lagi supaya 20 minit itu dapat diisi dengan penuh.

Pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat lalu, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah bercakap, kalau beliau tak perlu menambah lagi ucapannya, saya boleh beri jalan kepada orang lain.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya hendak sambung lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya beri 7 minit lagi, sebab mengikut rekod di sini Yang Berhormat telah bercakap 13 minit pada hari Jumaat yang lepas.

3.00 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin menyambung ucapan saya pada minggu yang lalu mengenai dengan nelayan. Sebelum saya bercakap perkara yang lain saya ingin menyambung sedikit mengenai hal ini.

Tujuan ucapan saya ialah semata-mata supaya satu rancangan yang khusus dirancang untuk nelayan-nelayan dan sebagaimana yang telah saya katakan pada minggu yang lalu kita bercadang supaya pada satu masa yang akan datang bandar-bandar baru yang menjadi bandar perikanan pusat nelayan akan terdiri di pantai-pantai, terutamanya Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan pantai Sabah dan Sarawak sebagaimana juga terdirinya bandar-bandar baru di tengah hutan belantara seperti rancangan Jengka Tiga Segi, Johor Tenggara dan sebagainya. Dengan adanya rancangan-rancangan untuk hendak menjalankan perusahaan ikan air dalam kita maju setapak lagi untuk menambahkan hasil negara dari laut. Kalau PETRONAS cuba hendak menambahkan hasil negara dengan minyak dari dasar laut, saya rasa dari segi ini kita juga dapat menambahkan hasil negara dari ikan air dalam. Oleh kerana masa terhad, saya tidaklah bercakap panjang dalam hal ini.

Sekarang saya masuk kepada bahagian yang kedua, rancangan perumahan murah untuk rakyat. Kita berbangga bahawa sejak sekian lama rancangan perumahan dijalankan terutama di bandar-bandar besar kita dapati rumah-rumah, samada bentuk rumah pangsa, rumah teres dan sebagainya. Ini sesuai dengan kawasan di bandar-bandar yang terhad dan corak bandar yang bercorak antarabangsa, akan tetapi rancangan perumahan yang kita tujukan khusus untuk orang-orang yang tidak berada di luar bandar, terutamanya petani-petani, nelayan-nelayan dan sebagainya, saya mencadangkan satu rancangan khusus untuk ini yang selalu kita sebut pada masa yang lalu, iaitu rancangan perumahan murah yang dijalankan oleh pihak MARA. Ini saya rasa sesuai dan harganya pun antara \$2,000 ke \$4,000 sahaja, dan mampu dibeli oleh penduduk-penduduk luar bandar, apa lagi pula bentuk rumah ini memang sesuai iaitu bentuk Malaysia. Diharap rancangan ini dapat dijalankan samada oleh pihak Kerajaan ataupun pihak swasta saya percaya dan yakin pihak Lembaga Perumahan Negara yang akan ditubuhkan akan dapat menjalankan dasar ini ataupun menggesa pihak Pemaju Perumahan Swasta janganlah hendakkan untung terlampau banyak dengan rancangan

di bandar-bandar sahaja tetapi perlu juga satu usaha dijalankan untuk rakyat miskin yang saya katakan tadi.

Perkara yang ketiga saya hendak bercakap sedikit mengenai dengan keselamatan negara. Sebagaimana rakan-rakan saya, saya memanglah mempunyai kepercayaan penuh bahawa Kerajaan yang diberikan amanah, diberikan mandat memerintah negara ini akan dapat menjaga keselamatan negara untuk kesejahteraan rakyatnya. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah masalah keselamatan di sempadan, terutamanya sempadan antara Semenanjung Malaysia dengan Thai. Saya menyokong penuh untuk mengadakan rancangan-rancangan FELDA dan sebagainya di perbatasan untuk menyekat kemaraan samada penjahat-penjahat komunis atau sebagainya. Saya percaya rancangan Lebuhraya Timur/Barat adalah satu daripada tujuan ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak kita sahaja bertindak sedangkan pihak sebelah tidak menjalankan rancangan-rancangan seumpama ini, saya percaya dan yakin golongan-golongan, terutamanya penjahat-penjahat komunis dan sebagainya mudah melindungi diri di sebelah sana.

Ini bukanlah bermakna kita hendak campurtangan dalam pentadbiran negara jiran kita, tetapi untuk kebaikan dan juga dari peri kemanusiaan yang kebanyakannya barangkali asalnya seketurunan dengan kita yang hanya dibataskan dari segi politik, tetapi dari segi ilmu alam dan keturunannya memang sama terutamanya empat wilayah di selatan Siam. Jadi apakah salahnya kalau Kerajaan kita mengadakan rancangan bersama dengan Kerajaan Siam. Apa yang kita akan buat di sini kita minta Kerajaan Thai juga akan jalankan pembangunan-pembangunan di sebelah sempadan sana. Dengan cara ini saya percaya dan yakin kawasan ini akan terbuka dan tidak ada peluang lagi bagi mereka yang hendak menjadi perosak negara, terutama penjahat-penjahat komunis menggunakan tempat itu menjadi tempat persembunyian mereka. Apa salahnya kalau sekiranya Sungai Golok ini sesuai kita adakan rancangan kuasa hidro-letrik yang boleh digunakan oleh kedua-dua pihak dan kalau perlu kita merayu kepada Kerajaan Siam sebagaimana yang dijalankan oleh Kerajaan Filipina beri kuasa otomoni kepada negara-negara di selatan Siam itu supaya negeri itu dapat membangun sesuai dengan keadaan penduduk di sana. Tujuannya untuk membendung

dan kalau boleh membenteras langsung kawasan ini daripada digunakan oleh pihak-pihak yang saya katakan tadi yang pada masa-masa yang tertentu datang ke kawasan kita, terutama Negeri Perak, Kedah dan Kelantan seterusnya ke Pahang dan balik semula bersembunyi di kawasan ini. Saya rasa ini satu cara jangka panjang untuk mengatasi keadaan ini. Saya tidak menafikan Menteri-menteri kita, pegawai-pegawai kita mengadakan Persidangan Bersama Sempadan samada di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, di Bangkok dan sebagainya tetapi lepas itu keadaan balik begitu juga—pi mai pi mai, tang tu juga, tetapi kalau satu rancangan jangka panjang kita jalankan, saya percaya dan yakin kita dapat mengatasi keadaan ini.

Perkara yang keempat saya suka hendak bercakap sedikit mengenai dengan Bandaraya Kuala Lumpur. Kita tahu kemajuan-kemajuan yang telah dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya, terutama dengan pimpinan dan kebijaksanaan Datuk Bandaraya berbagai-bagai rancangan telah dijalankan, tetapi yang perlu saya hendak tekankan di sini rancangan demi rancangan, yang pentingnya dari segi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur adalah sebagai muka, orang-orang luar datang dia berjumpa Bandaraya Kuala Lumpur dahulu dan sudah sepatutnya kita lengkapi, kita perelokkan Bandaraya Kuala Lumpur ini dan kalau boleh orang-orang yang datang tengok keadaan bandar ini bereti melambangkan seluruh keadaan negara Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi!

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya percaya bagi seorang jejaka samada lelaki atau perempuan kadang-kadang membelanjakan wang kerana menghias muka ini melebihi perbelanjaan yang lain. Maka apa salahnya kalau kita juga menguntukkan perbelanjaan yang lebih kerana Bandaraya ini samada untuk membaiki keadaan jalan-jalanraya dan kalau ada pihak-pihak yang hendak menjalankan monorail dan sebagainya hendaklah dipertimbangkan selain daripada hendak mengatasi keadaan kesesakan, juga memberi pandangan baru kepada Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Selain daripada itu mengenai dengan cukai baru, saya dapati cukai ini memang benar-benar untuk hendak mengarahkan kita supaya berdiri di atas kaki sendiri, supaya kita menggunakan bahan-bahan kita sendiri, terutamanya mengenai dengan buah-buahan dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah sampai masanya. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Panti.

3.10 ptg.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, Budget ataupun Anggaran Belanjawan yang dibentangkan di dalam Dewan ini adalah dibentang di dalam satu keadaan yang amat penting memandangkan kepada keadaan ekonomi negara kita khususnya dan kemerosotan ekonomi dunia seluruhnya. Pada pandangan saya, Budget ataupun Anggaran Belanjawan ini yang disediakan oleh Kerajaan tidak akan banyak melegakan kemerosotan ekonomi negara yang sedang kita hadapi.

Satu perkara yang amat menarik hati dan menimbulkan kebimbangan rakyat negara kita ini ialah kejatuhan ringgit dan matawang kita. Kita telah mendengar jawapan-jawapan daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan berkenaan sebab-musababnya kejatuhan ringgit Malaysia ini. Saya boleh simpulkan bahawa sebab kejatuhan ringgit Malaysia itu ialah kerana supply and demand; terlampau banyak "supply" dan kurang "demand", tetapi apa yang rakyat hendak tahu, hendak faham dan hendak mengerti kenapakah "demand" atas ringgit kita itu berkurangan? Adakah kepercayaan dan keyakinan orang kepada ringgit kita itu telah begitu merosot dan hancur-lebur sehinggakan "demand" atas ringgit kita tidak ada lagi dan menyebabkan kejatuhannya? Ini satu perkara yang penting untuk mendapat perhatian supaya kita dapat mengembalikan keyakinan orang ramai kita dan dunia luar juga kepada keteguhan ringgit kita.

Negara kita sebuah negara yang amat kaya mempunyai hasil-hasil keluaran yang sangat-sangat diperlukan oleh dunia seluruhnya. Jadi itulah yang kita tak mengerti mengapakah ringgit kita telah jatuh merosot umpama itu, pada hal negara-negara yang

jauh lebih kecil daripada kita yang tidak ditunjang dan disokong oleh hasil-hasil negaranya yang diperlukan oleh dunia seluruhnya mempunyai kewangan yang begitu teguh dan kuat.

Seperkara yang membuktikan kemerosotan dan kejatuhan ekonomi negara kita ini ialah tindakan yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri kita dengan memotong 5% daripada gaji bulanan mereka. Saya fikir tindakan yang diambil oleh Menteri-menteri kita patut juga dipuji, sebab ini adalah menunjukkan betapa "concern" nya Menteri-menteri kita berkenaan dengan kemerosotan ekonomi negara. Jadi barangkali mereka hendak memberikan satu contoh kepada lain-lain untuk mengikuti jejak langkah mereka. Saya tahu dan semua orang tahu bahawa 5% yang dipotong daripada gaji Menteri-menteri itu macam setitik air jatuh ke laut, tidak akan memberi kesan kepada ekonomi negara, tetapi ini agaknya dibuat semata-mata untuk menunjukkan betapa beratnya perhatian Menteri-menteri kita sehingga sanggup hendak mengorbankan 5% daripada gaji dan pendapatan bulanan mereka. Tetapi sambil kita memuji tindak tanduk dan langkah Menteri-menteri kita yang sudah berkorban 5% itu, kita teringat pula kepada satu keadaan membazir yang dijalankan oleh Kerajaan kita. Hari ini Kerajaan membuat kenyataan dan "announcement" gaji kita dipotong 5%, esoknya rombongan, lepas satu, satu pergi keluar negeri pada hal rombongan-rombongan itu jika tidak dihantar keluar negeri, negeri kita tidak akan collapse, negeri kita tidak akan binasa. Ini yang kita sukar hendak faham.

Satu perkara yang telah disebutkan dengan jelas dan tegas dalam ucapan Belanjawan ini ialah berkenaan dengan inflasi. Yang Berhormat Menteri, telah menyebutkan dengan angka dan peratus berkenaan dengan kurangnya kadar inflasi di dalam negara kita ini, tetapi yang saya tidak dapat hendak mengerti di sini bahawa kita keluarkan angka-angka, peratus-peratus yang menunjukkan inflasi itu sudah kurang. Tetapi mereka yang duduk di kampung-kampung masih lagi membayar harga kalau tidak tinggi daripada tahun yang lalu, tidak kurang daripada tahun yang lepas. Jadi rakyat yang membaca ucapan yang begitu akademik, yang begitu cara bijak dengan angka-angka yang telah dibuat oleh pakar-pakar ekonomi kita, tidak dapat hendak difaham. Orang ramai beli

cabai \$4.00 satu kati, tahun dahulu \$4 juga. Kata Kerajaan, kata Menteri, inflasi sudah tidak ada lagi, harga masih tetap mahal juga seperti sebelum dikatakan inflasi ini telah berkurangan. Maksud saya menyebutkan perkara ini, ialah supaya kita tidak memperdayakan orang-orang ramai dengan kenyataan-kenyataan yang seumpama itu, kerana pada satu hari kelak boleh jadi menyebabkan pergaduhan di antara orang yang tidak mengerti angka dan peratus ini dengan orang-orang yang menjual barang itu. Boleh jadi satu hari dia datang ke kedai dan berkata: tengok, Menteri kata sudah 5% turun, ini awak masih jual mahal lagi; kerana ucapan Menteri, terjadi pergaduhan di antara pengguna dengan penjual.

Dalam Belanjawan ini juga telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Belanjawan ini adalah sebagai langkah pertama dalam melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dan di dalam ucapan itu telah disebutkan peranan swasta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya fikir tidak ada siapa pun yang tidak akan bersetuju bahawa peranan swasta dalam pembangunan negara kita amatlah penting. Tetapi yang pentingnya di sini ialah Kerajaan hendaklah lebih rapat kepada swasta daripada yang sudah-sudah. Dan janganlah Kerajaan membuat peraturan-peraturan, undang-undang yang boleh menyusahkan swasta untuk menjalankan pembangunan bagi menolong pihak public sector menjayakan rancangan-rancangan kita pada masa-masa yang akan datang.

Menyebut berkenaan dengan hal ekonomi dalam tanahair kita ini, satu perkara yang saya suka sebutkan bahawa baharu-baharu ini saya telah terbaca berkenaan dengan impot filem-filem daripada luar negeri--membawa masuk filem-filem daripada luar negeri. Mengikut kenyataan yang ada dalam surat-khabar-suratkhabar yang saya telah baca bahawa filem-filem yang masuk dari luar negeri ini boleh dikatakan lebih daripada 50% filem-filem China yang dibawa daripada Hong Kong dan lain-lain tempat. Kalau pun kita berpendapat bahawa negara ini memerlukan banyak filem-filem China, kenapakah filem-filem ini tidak boleh dikeluarkan dalam negeri sendiri yang ada back-ground negara kita sendiri dan tidak perlu membawa masuk filem-filem daripada Hong Kong ataupun daripada lain-lain tempat. Selain daripada kita membenarkan

wang ringgit kita mencurah keluar negeri, kita juga tidak dapat menjamin unsur-unsur kebudayaan yang dibawa dalam filem-filem asing itu, tetapi kalau filem-filem China dibuat dalam tanahair kita sendiri, barangkali sekurang-kurangnya unsur-unsur kebudayaan tempatan akan dapat dimasukkan di sana sini untuk menunjukkan bahawa filem itu benar-benar filem tempatan, dan hanya sekadar menggunakan bahasa China umpamanya di dalam pertuturannya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan ekonomi tentang peranan bumiputra dalam ekonomi negara kita ini. Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Kerajaan berniat hendak menjual saham-saham syarikat-syarikat yang dijalankan oleh badan-badan berkanun kepada bumiputra. Saya tidak tahu dan kita belum mendengar lagi bagaimanakah cara-caranya Kerajaan hendak menjualkan saham-saham itu, dan sudahkah Kerajaan memikirkan sebanyak mana modal yang dapat dikutip dan dapat dipungut daripada bumiputra. Yang saya tahu kalau syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan berkanun ini hendak diserahkan kepada bumiputra, ini akan memakan banyak dan memerlukan berpuluh-puluh juta dan boleh jadi ratusan juta ringgit. Bumiputra yang manakah agaknya yang sanggup mengeluarkan wang sebanyak itu?

Saya fikir pemberian dan habuan bumiputra dalam ekonomi negara ini belum dapat dirasakan lagi, sungguhpun Kerajaan mempunyai Dasar Ekonomi Baru iaitu menguntukkan 30% kepada bumiputra, tetapi sepanjang yang saya tahu sekarang sudah lima tahun berjalan tak sampai dua peratus yang sudah tercapai. Kalau kita mengikut tempoh perjalanan ini, maka dalam 20 tahun yang ditetapkan untuk mencapai 30% sudah tetap tidak akan dapat dicapai, sungguhpun Kerajaan menubuhkan badan-badan berkanun di merata-rata tempat dalam tanah air kita ini, tetapi individu orang-orang Melayu ataupun kumpulan-kumpulan dan syarikat-syarikat orang Melayu belum lagi dapat dirasakan kesannya dan tekanannya dalam ekonomi negara kita ini. Itu patut disedari oleh semua orang yang berkenaan termasuk juga parti-parti Pembangkang yang sentiasa mengungkit-ungkit dan membangkit-bangkitkan perkara ini. Saya terpaksa sebutkan ini kerana masa yang diuntukkan adalah terhad.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan pemberian pinjaman

MARA kepada penuntut-penuntut Melayu yang belajar dalam Universiti Kebangsaan atau dalam Universiti Malaya; yang saya tahu ada beratus-ratus penuntut Melayu yang berasal daripada guru-guru sekolah yang belajar dalam universiti dan mendapat pinjaman daripada MARA, bukan pemberian pinjaman. Saya ulangkan "pinjaman" bukan "pemberian, yang akan dibayar balik apabila penuntut-penuntut itu telah lulus dan mula bekerja. Baharu-baharu ini saya mendapat tahu bahawa pinjaman ini telah diberhentikan. Perkara ini saya telah bangkitkan dalam perjumpaan antara Ahli-ahli Parlimen dengan Pegawai-pegawai MARA pada minggu yang lepas dan saya telah diberi pengakuan bahawa tiap-tiap perkara itu akan ditimbangkan mengikut meritnya; maknanya kalau pegawai, atau guru itu benar-benar memerlukan pinjaman, maka akan ditimbangkan, tetapi baharu semalam saya mendapat tahu bahawa MARA telah menghantar surat kepada penuntut-penuntut itu mengatakan bahawa pinjaman telah ditutup dan tidak akan diberi sama sekali. Jadi, apakah nasib anak-anak kita yang beratus-ratus itu yang sedang menuntut dalam tahun dua, atau tahun tiga, jika putus perbelanjaannya? Saya berharap daripada pihak MARA supaya menimbangkan semula perkara ini dan memberikan perhatian yang berat supaya tidak menyusahkan anak-anak kita yang sedang belajar dalam universiti-universiti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa akhir-akhir ini surat-surat keliling berkenaan dengan rasuah bukan main lagi banyaknya, lebih hebat keluarannya daripada keluaran suratkhbar harian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Buat jilid sahaja.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Itulah saya fikir elok dibuat jilid, tetapi soal berkenaan rasuah ini makin hari makin barat nampaknya dan cakap di luar samada cakap mulut atau cakap bertulis yang macam ini makin menjadi-jadi. Saya berharap Kerajaan mengambil berat berkenaan dengan perkara ini dan kalau hendak menjalankan undang-undang untuk membenters rasuah ini biarlah undang-undang itu dilaksanakan dengan adil dan berpatutan. Kita tidak boleh pilih bulu dalam menjalankan undang-undang ini. Kita tidak boleh mengatakan ini kawan kita dan undang-undang itu tidak boleh

berjalan kerana kawan kita. Kawan atau lawan yang hendak membinasakan negara, mesti dimusnahkan, kerana pada pandangan saya rasuah ini adalah satu perkara yang boleh meruntuhkan negara sama sekali. Jangan bila kena kawan, kita tutup mata, dan bila kita berjumpa dengan rival kita buka mata dan cuba hendak menjalankan undang-undang itu. Kita mahu undang-undang ini dilaksanakan dengan sempurna, dengan adil, dengan tidak pilih kasih bagaimana yang pernah telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam satu ucapannya bahawa kita tidak akan pilih ikan bilis atau ikan jerong, semuanya akan diberkas belaka. Kita sudah puas mendengar cakap-cakap yang seumpama itu, tetapi masih ada jerong-jerong yang terlepas dan ada pula jerong-jerong yang hendak diperingkap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tindak tanduk Kerajaan ini, yang peleknya orang yang menerima kena; orang yang memberi aman damai. Orang yang memberi membuat mahligai, memegang kuasa ekonomi negara. Kalau hendak menjalankan undang-undang rasuah, patut yang terima dan yang memberi itu sama-sama dihukum. Kalau kita hendak menjalankan hukuman ugama Islam dalam perkara ini, Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. berkata di dalam satu Sabdanya, dilaknat Tuhan orang yang memberi dan yang menerima rasuah. Dalam negeri kita ini orang-orang yang menerima yang diburu, tetapi orang-orang yang memberi berlagak sesuka hati.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Eloklah, nampaknya sudah sampai masanya di situ. Ahli Yang Berhormat sudah habis berucap?

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah sampai!

Tan Sri Ja'afar Albar: Bolehkah saya teruskan lagi lima minit? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau minggu lepas, boleh. (*Ketawa*).

3.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya meng-

ucapkan terima kasih kerana dapat bercakap sedikit lebih kurang 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengalu-alukan Belanjawan tahun 1976 ini, kerana beberapa perubahan telah berlaku khususnya dalam beberapa hal iaitu di mana inflasi di negara telah berkurangan mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan ini pun terasa juga oleh sebahagian besar rakyat kalau dihitungkan dari keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Tahun 1976 ini, nampaknya ada beberapa perkara yang perlu dititik-beratkan iaitu, pertama, mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada tahun 1975 yang lalu Belanjawan Negara telah bertambah sedikit iaitu 9% disebabkan oleh kenaikan-kenaikan gaji dan sebagainya. Saya rasa, perkara ini harus jangan banyak sangat berulang kerana setahu saya pada masa yang lalu pernah Menteri Kewangan memberi amaran sekiranya negara ini menaikkan perbelanjaan pada gaji maka pada satu masa nanti negara akan menghadapi keadaan yang tenat. Tetapi oleh kerana tekanan-tekanan kemudiannya maka mahu tidak mahu terpaksa dijalankan juga. Jadi, saya rasa pada masa yang akan datang perkara ini janganlah berlaku lagi. Jikalau berlaku biarlah dengan seca lebih adil.

Menyentuh hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan supaya pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak-pihak yang diberi tanggungjawab dalam mengimbangkan pendapatan-pendapatan orang yang bergaji dari Kerajaan ini biarlah benar-benar menimbangkan dari semua pihak.

Saya kurang puas hati dengan berita-berita berkaitan dengan hasrat Kerajaan untuk menaikkan orang-orang yang bergaji rendah supaya keadaan mereka lebih baik. Tetapi ada beberapa cadangan agar yang telah mendapat gaji yang lumayan dinaikkan lebih tinggi lagi dan ini mendatangkan perasaan tidak puas hati dari kalangan pihak-pihak yang bergaji rendah. Jadi, saya rasa pada masa yang akan datang pihak yang bertanggungjawab ini cuba menimbangkan hasrat Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang lebih menekan agar cita-cita mengimbangkan antara yang berada dengan tidak berada mesti dicapai, dalam beberapa masa yang tertentu. Jika sekiranya jurang ini kita

panjangkan pada tempat yang kita boleh buat, maka sudah tentu niat ataupun hasrat Kerajaan itu tidak akan berhasil walaupun pada beberapa masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu juga saya sebutkan iaitu saya mengalu-alu langkah Kerajaan untuk menambahkan pendapatan rakyat dengan mengadakan sekim Stok Penimbal Getah di mana beberapa masa yang lalu usaha ini telah dijalankan oleh pihak Kerajaan dengan mengadakan perundingan di antara negara kita dengan negara-negara luar negeri, khasnya negara-negara jiran ataupun negara-negara yang sama mengeluarkan getah asli. Saya mengucapkan terima kasih di atas usaha ini. Cuma yang saya ingin mengingatkan supaya biarlah usaha ini benar-benar berjaya untuk berpanjangan. Saya bimbang dan saya rasa kalau pihak negara-negara yang sealian dengan kita tidak memberi sokongan sudah tentu rancangan kita tidak akan berhasil.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menitik-beratkan dalam perkara getah disebabkan oleh sebahagian rakyat negeri kita ini adalah terdiri dari orang yang bergantung kepada getah. Tambahan pula 16% daripada KDNK kita adalah daripada getah, oleh itu amat baik sekali kita berusaha agar getah ini dapat disetabil harganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sedikit tentang perkara-perkara berkenaan dengan cukai. Cukai baru ini memang tidak berat kalau dipandang dari satu pihak. Tetapi kalau kita pandang beberapa hal yang lain sudah tentu ada melibatkan pihak orang ramai juga, khasnya cukai rokok dan juga cukai motorsikal dan satu lagi cukai buah-buahan. Saya rasa ini mahu tidak mahu melibatkan orang ramai. Walaupun perkara-perkara yang lain seperti cukai harta dan sebagainya melibatkan orang ramai juga tetapi secara tidak langsung melibatkan golongan-golongan yang teramai tetapi secara langsung melibatkan golongan-golongan yang sedikit sahaja. Adapun cukai rokok, cukai motorsikal dan cukai buah-buahan ini memang melibatkan orang ramai kerana kedudukan sekarang sebahagian besar daripada perkara-perkara ini sudahpun mahal. Dalam bidang buah-buahan pula, saya dapati buah-buahan tempatan sekarang ini kita masih tidak berhasil untuk mengeluarkannya dengan banyak. Kempen kita masih belum berjaya. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta kepada Menteri

yang berkenaan agar kempen kita ini biar dikuatkan sedikit. Sebab kita sudah tahan buah-buahan luar negeri dengan mengenakan cukai yang mahal, maka biarlah pengeluaran buah-buahan tempatan banyak. Macam sekarang kalau hendak beli rambutan kalau tidak ada \$5 tidak boleh beli rambutan, kerana sedikit sangat. Harganya \$1.00, kadang-kadang \$1.20 satu kati. Durian \$5 sebiji. Orang yang miskin tentu tidak boleh makan buah tempatan. Saya rasa ini perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sedikit berkenaan dengan Belanjawan kita ini nampaknya peruntukan tentang keselamatan hanya 21.0% sahaja. Saya nampak lebih rendah daripada tahun 1975 iaitu 25.3%. Saya tidak tahu mengapa rendah sangat pada tahun ini. Sedangkan yang saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak meluaskan pasukan keselamatan kita memandangkan musuh yang selalu mengacau dari dalam dan dari luar. Saya tidak tahu hal ini bagaimana. Saya rasa perlu diberi perhatian kerana kedudukan sekarang sebenarnya memang keadaan pasukan keselamatan kita ini kecil dan saya sokong agar Pasukan Keselamatan kita ditambah. Setahu saya, Pasukan Polis kita hanya 21,000 orang untuk mengawal negara kita yang mempunyai 11 million lebih ini. Sedangkan sebelum merdeka dahulu Polis kita 37,000 orang. Itu tidak termasuk S.A.C. dan sebagainya. Ini tentulah susah bagi Pasukan Polis kita hendak mengawal negeri ini.

Selain daripada itu, latihan, teknik, semangat dan sebagainya mesti dikuatkan di kalangan tentera dan polis kita kerana, kedudukan kita sekarang, kadang-kadang membingungkan. Misalnya, pembunuhan Ketua Polis Perak, di mana di belakang ada beberapa buah kenderaan tentera, tetapi si-pembunuh itu belum dapat ditangkap lagi. Jadi, ini sebagai satu contoh. Demikian juga dalam hal-hal yang lain. Saya minta kepada pihak yang berkenaan agar perkara ini diambil perhatian.

Selain daripada itu saya ingin menyebutkan tentang keselamatan, saya nampak ada perkara yang perlu kita teliti. Terutama kadang-kadang masalah saudagar-saudagar atau taukeh-taukeh yang secara tidak langsung anaknya kita tangkap dan bermacam-macam lagi masaalah. Ada juga orang-orang yang

memberi perlindungan kepada saudagar-saudagar ini. Inilah masalaahnya. Saya rasa pihak yang berkenaan awasilah agar jangan ada saudagar-saudagar atau taukeh-taukeh ini dilindungi oleh pihak-pihak yang tertentu, walhal saudagar-saudagar atau taukeh-taukeh ini membantu pihak pengganas ataupun musuh negara kita. Saya rasa perkara ini pihak yang berkenaan tentu tahu dan harus diambil perhatian, dan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, masalaah-masalaah kita sama kita pun menjadi satu masalaah. Kadang-kadang kita sama kita tidak menyimpan rahsia di atas beberapa perkara yang kurang menyenangkan. Misalnya, ada mesyuarat, briefing, taklimat dan sebagainya, kadang-kadang rahsia itu bocor kepada orang lain. Ini satu perkara yang kurang menyenangkan. Jadi, sempena dengan ini, saya mengalu-alukan penubuhan Rukun Tetangga walaupun pihak Pembangkang marah benar kepada Rukun Tetangga ini. Kepada saya, saya menyokong penuh kerana ini adalah satu cara untuk rakyat memberi kerjasama kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kadang-kadang orang yang sakit mata ini tidak suka kepada lampu, sebab itu kita tidak hairanlah pihak Pembangkang menentang rancangan Rukun Tetangga. Saya harap kita akan berjalan terus dengan berwaspada kerana di-khuatiri anasir-anasir yang tertentu masuk ke dalam Yunit Rukun Tetangga, yang mana menyebabkan bocor rahsia kalau salah-salah beri. Ini satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang harus diambil perhatian.

Dalam bidang lain pula, saya ingin menyebutkan iaitu bidang pengeluaran hasil bumi. Saya nampak dalam Belanjawan kita ini, bidang ini hanya 6.5% sahaja, saya tidak begitu jelas tentang ini dan saya nampak tidak cukup. Sepatutnya bidang ini mesti dibesarkan peratusnya, sebab bidang inilah sahaja yang paling berjaya untuk meningkatkan ekonomi orang kampung menjalankan Dasar Ekonomi Baru. Saya ingin memberi contoh FELDA yang sehingga ini telah membuka sebanyak 721,000 ekar tanah yang mana persertanya telah diletakkan di situ sebanyak 31,158 orang dan pendapatan mereka sebanyak \$234 sehingga \$277 sebulan bagi getah dan \$802 hingga \$1,218 bagi kelapa sawit. Ini satu contoh, bagaimana berjayanya rancangan ini. Rancangan bidang pengeluaran hasil bumi di mana rakyat di luar bandar dapat menyertainya. Soalnya apakah kejayaan

kita dalam bidang ini dapat menunaikan kehendak orang kampung, rakyat luar bandar, sedangkan rakyat di luar bandar yang seramai 27% adalah berpendapatan kurang daripada \$100 sebulan dan pada pentafsiran L.P.P. (Lembaga Pertubuhan Peladang) hanya \$25 seorang sahaja, saya rasa samada tepat atau pun tidak dan bergantung kepada kadar seterusnya. Demikian juga dengan kaum nelayan yang seramai 80,000 orang manusia yang mengikut hasrat kita hendak diserapkan kepada rancangan-rancangan pembangunan tanah. Tetapi dengan peruntukan yang sedikit ini saya khuatir kita tidak akan dapat menempatkan mereka. Jadi, saya minta supaya diambil perhatian agar perkara ini diperbetulkan semula samada ditambah atau sebagainya khasnya ketika kita membahas Anggaran Pembangunan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sedikit lagi tentang Dasar Ekonomi Baru untuk penyertaan bumiputra dalam bidang ekonomi. Saya nampak ramai Ahli-ahli telah bercakap perkara ini dan saya cuma hendak mengambil perhatian agar pihak yang berkenaan harus meneliti biar masing-masing bekerjasama untuk menayakan Dasar Ekonomi Baru, khasnya untuk membolehkan bumiputra berjaya dalam bidang-bidang tertentu dalam hal ini. Saya beri contoh dalam bidang pemborong, kedudukannya sekarang orang bumiputra kurang berjaya, samada pemborong rumah-rumah, pemborong kerja raya, pemborong FELDA kurang berjaya. Di mana-mana kita boleh lihat. Kenapa? Soalnya ialah kita kena baiki kita sama kita dan juga pihak yang berkenaan harus bekerjasama dengan pihak bumiputra sendiri, iaitu bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra. Saya minta supaya orang yang bukan bumiputra biarlah memberi kerjasama yang sepenuhnya, jika tidak maka kejayaan tidak akan tercapai.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan tentang pembangunan wilayah. Sekarang ini banyak rancangan-rancangan pembangunan Wilayah seperti Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan sebagainya. Saya meminta agar pembangunan wilayah ini diselaraskan antara negeri-negeri, jangan kerana negeri menjadi satu masalaah, ataupun kerana kurang kerjasama antara satu negeri dengan satu negeri menyebabkan pembangunan wilayah itu tidak begitu sempurna. Saya beri contoh misalnya pembangunan di Pelabuhan Tanjong Gelang

perlu diselaraskan dengan Trengganu, taliair di Kelantan biarlah diselaraskan dengan taliair di Besut. Kita bimbang dan kita tidak mahu kejadian di mana orang membuat taliair di Besut ditahan di Kelantan kerana pihak negeri-negeri ini tidak memberi kerjasama. Saya minta supaya diselaraskan di antara pembangunan negeri-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit lagi berkaitan dengan pelajaran dan pelajar-pelajar. Saya lihat sekarang ini banyak masalah berkaitan dengan hal pelajar-pelajar ini, sebab mereka ini orang muda, kadang-kadang bila darah panas, dihasut oleh golongan-golongan yang tertentu mereka tunjuk perasaan dengan tidak tahu puncanya lagi mereka sudah tunjuk perasaan, seperti yang berlaku di Australia dan di New Zealand baru-baru ini, iaitu tunjuk perasaan kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang mana ada termasuk seorang dua pelajar-pelajar kita. Ini adalah disebabkan kerana mereka tidak tahu punca atau mereka dihasut oleh setengah-tengah golongan. Jadi, saya ingin mengingatkan agar Kerajaan pada masa akan datang harus menitikberatkan penanaman semangat cintakan tanahair. Kepada yang beragama Islam biar mereka cinta kepada ugama dan tanahair sebab dalam ugama Islam ada mengatakan: cinta pada tanahair adalah setengah daripada iman. Asas ini mesti kita tanam di Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah dengan sungguh-sungguh sebab apakala sudah menjadi rebong maka kita tidak boleh perbetulkan lagi. Jenerasi yang ada sekarang telah dibentuk pada masa dahulu, dan saya rasa pada masa akan datang kita boleh bentuk semula agar pelajar-pelajar ini biarlah mereka benar-benar cintakan tanahair dan kepada ugama. Mereka ini kita alihkan attitude mereka pada masa akan datang, sebab sebagaimana yang kita tahu kedudukan pelajar-pelajar kita sekarang adalah seramai 3 juta di Malaysia ini dan dalam masa 25 tahun akan datang pelajar-pelajar akan menjadi 4.6 juta. Ini tentulah satu tenaga yang besar. Jadi takkanlah mereka ini semua kita hendak salurkan menjadi pegawai-pegawai dan executive. Mahu atau tidak mahu, pelajar-pelajar ini akan melibatkan diri dalam bidang pertanian, dan sebagainya. Apa yang saya minta ialah pengajaran ini mesti diberi agar di masa akan datang apabila mereka keluar daripada sekolah biar menjadi pak-pak tani yang betul-betul berjaya dan nelayan-nelayan yang benar-benar berjaya dan sebagainya. Sekarang

ini saya lihat tidak ada pengajaran seperti itu di sekolah-sekolah. Pihak Yang Berhormat Menteri tentu akan menjawab Sekolah Vokesyenal telah ada, tetapi sekarang Sekolah Vokesyenal telah melahirkan pelajar-pelajar yang berminat untuk bekerja dengan satu-satu pihak, dan saya lebih gembira masa akan datang yang mana pelajar-pelajar yang keluar sekolah lebih berminat untuk bekerja sendiri dan meneroka alam yang dikurniakan oleh Tuhan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Satu minit lagi? Saya akan bercakap cepat lagi. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cintakan tanahair saya menyentuh sedikit berkenaan dengan peranan, radio dan talivesyen. Sekarang ini saya lihat radio lebih berjaya menanamkan rasa cinta rakyat kepada tanahair. Tetapi talivesyen saya rasa kurang berjaya, kerana kalau setengah-setengah negeri lain selepas kita dengar warta berita akan menayangkan satu gambar di mana nampak bagaimana rakyat menyokong kepada Kerajaan dan negara. Tetapi di negeri kita ini tidak, bila habis warta berita ditayangkan iklan rokok dan tayar, itu satu contoh.

Selain daripada itu TV juga ada mengeluarkan gambar-gambar yang pada saya tidak sedap benar melihatnya iaitu gambar tembak-menembak. Cerita itu disiarkan tiap-tiap malam, sehinggakan anak-anak masing-masing semua menyuruh membeli pistol kerana hendak menembak sahaja. Saya rasa ini perlu diperbaiki, kerana akibatnya terlampau banyak dari cerita tembak-menembak dalam TV. Budak-budak kecil daripada umur 3 tahun sudah dilatih menembak dengan pistol maka apabila besar pun mereka hendak meminta lesen pistol dari Kerajaan. Kalau Kerajaan tidak beri lesen pistol, maka mereka beli dari Golok, Siam. Ini bahayanya, hendak menembak orang sahaja. Saya meminta supaya diperbetulkan ini, sebab bahaya ini bukan sahaja bahaya sex yang kita hendak mempertahankan, tetapi bahaya "tembak" ini pun penting juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja pandangan saya.

3.41 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas ucapan Belanjawan anti-inflation yang baharu dikemukakan kepada kita. Belanjawan serupa ini amatlah perlu terutama sekali semasa negara ini sedang mengalami recession. Nyatalah bahawa Belanjawan ini telah mengutamakan kawalan inflasi dan agar rakyat menerima kenyataan bahawa kemajuan negara kita terutama sekali dalam bidang perusahaan akan ekori kemajuan-kemajuan negara-negara yang sedang maju.

Tetapi dukacita saya menyebutkan di sini bahawa Belanjawan yang dibuat walaupun berkecuali (neutral) rupanya dan dalam pendiriannya dengan tujuan untuk melegakan aliran-aliran inflasi dan juga memberi gambaran yang ianya berorientasi keculi pengawalan ekonomi daripada orang-orang yang kaya iaitu berdasarkan kepada ekonomi negara kita untuk membasmi kemiskinan, tetapi saya sendiri tidak begitu percaya yang Belanjawan ini tidak berupa traditional lagi kerana banyak daripada cadangan-cadangan yang dikeluarkan dalam Belanjawan itu lebih mementingkan kutipan daripada apa yang patut diberi balik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang selain daripada kenaikan harga barang ialah masalah pengangguran hasil daripada recession dan kekurangan peluang-peluang bekerja di kawasan-kawasan yang terpencil terutama sekali negeri-negeri yang agak terpaksa bergerak bersyaratkan kepada agro-based industry. Trade unions dalam negara kita dan kita sendiri telah terima bahawa pada masa sekarang ini masalah yang agak penting ialah masalah pengangguran yang akan menjadi lebih sulit lagi pada masa-masa yang akan datang, kerana kita sudah sedar bahawa beribu-ribu pelajar dalam negara kita akan meninggalkan bangku sekolah tidak lama lagi untuk mencari kerja. Tetapi Budget yang telah dikemukakan nampaknya tidak akan memberi peruntukan yang agak banyak untuk generate industrial activities dalam negara kita. Semuanya diharapkan kepada penyertaan pihak swasta. Oleh yang demikian, saya tidak dapat elak daripada mengangapkan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sebagai seorang ceti, kerana dalam Belanjawan itu tidak ada langsung tanda-tanda yang agak

lebih sympathetic dan positive untuk menolong secara yang lebih berkesan bagi rakyat mengatasi masalah inflation dan di samping itu menambahkan peluang-peluang bekerja pada masa-masa yang akan datang. Walaupun inflasi masih menjadi satu bahaya kepada masyarakat, tetapi gejala yang lebih merbahaya ialah soal pengangguran dan peluang-peluang bekerja yang boleh menggoyangkan keteguhan dan kedaulatan masyarakat negara kita. Issue-issue yang seperti ini boleh diexploit oleh orang-orang yang anti-national.

Langkah-langkah anti-inflasi mungkin berjaya pada waktu yang singkat, tetapi memandang keadaan pengangguran dan kekurangan peluang pekerjaan dan harapan pemulihan kita, Kerajaan patutlah memikirkan tentang kedudukan pengangguran dan mencari jalan bagi menambahkan private sector dan Kerajaan sendiri untuk menambahkan industry dalam negara kita.

Kekurangan peluang pekerjaan yang mahir juga amatlah kurang pada masa sekarang ini dan semasa kita menjalankan pembangunan sambil menunggu kemajuan di negeri-negeri yang sudahpun maju mungkin apabila mereka menjalankan usaha yang lebih giat kita juga akan ketinggalan kebelakang kerana kita tidak ada satu peruntukan yang agak lebih untuk memajukan industry, manakala mereka telah maju kita akan mengalami masalah-masalah seperti kekurangan industri-industri untuk mengeluarkan barang-barang kita yang boleh diexport dan masa yang kita boleh berjalan harga barang impot juga seperti bahan-bahan mentah akan naik di mana satu masalah yang besar yang akan dialami oleh pengeluar-pengeluar barang-barang export kita ialah masalah hendak jual dengan harga yang competitive dan murah di luar negeri dan ini dengan sendirinya akan mengurangkan peluang kita untuk menambah dan memperbaiki balance of payment kita pada mengurangkan masa-masa yang akan datang dan ini juga akan mengurangkan peluang kerja pada masyarakat kita.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga dalam ucapannya menyatakan bahawa Belanjawannya adalah pragmatic, flexible dan dynamic dengan tujuan untuk mengurangkan inflasi dan menguasai recession secara memberi galakan bagi perkembangan ekonomi kita dengan melaksanakan Rancangan Malaysia dan Perspective Plan kita.

Satu daripada caranya ialah dengan menggalakkan penyertaan pihak swasta yang lebih lagi dalam bidang perusahaan dengan menghapuskan fahaman-fahaman yang tidak baik terhadap Akta-akta yang kita baru gubalkan dan juga cara-cara menjamin dan menarik swasta untuk menambahkan modal dalam negara kita. Dan di samping itu, Yang Berhormat Menteri juga menjamin bahawa ia akan berusaha supaya badan-badan Kerajaan yang membuat rundingan dengan pihak swasta akan berlagak lebih rational dan lebih berdisiplin lagi pada masa-masa yang akan datang. Ini adalah satu langkah yang baik dan patut diberi perhatian oleh kerana inflationary deficit financing bukanlah satu-satu cure yang boleh menyelamatkan kita, kerana yang lebih penting lagi ialah perkembangan politik pada masa-masa yang akan datang dan ini cuma kita akan dapat tunai-kan sekiranya Kerajaan boleh membetulkan balik confidence yang sudah hilang pada masa sekarang ini terutama sekali manakala kita berbincang dengan pihak-pihak swasta dan juga bagaimana kita boleh mendekatkan pihak civil servants dengan pihak-pihak yang ingin menanam modal dalam negara ini. Aspek pengangguran dan business confidence dan inducement bagi negara kita menambahkan peluang-peluang investment agak saya ialah aspek yang patut kita bincangkan dengan lebih mendalam lagi.

Aspek Belanjawan yang saya suka huraikan ini iaitu berkaitan dengan lima faktor. Satu daripadanya ialah berkaitan dengan soal anti-inflationary measures. Kedua, masalah pengangguran dan pengeluaran. Ketiga, productivity, profitability dan public confidence. Keempat, machinery of the Government terutama sekali berkaitan dengan Civil Service, dan kelima, yang agak mustahak bagi saya yang datangnya dari kawasan utara iaitu cara pemberian wang untuk pembangunan kepada negeri-negeri yang sedang menjalankan perusahaan berdasarkan kepada agro-based industry.

Pertama, anti-inflationary measures. Kita seharusnya sedar bahawa inflasi pada kadar tingkatan sekarang walaupun menjadi satu ancaman kepada masyarakat, tetapi sekiranya langkah inflasi ditimbang dengan ketiadaan usaha untuk mengatasi masalah pengangguran akan mengakibatkan cara langsung pengangguran yang lebih daripada

masa-masa yang akan datang akan merendahkan taraf hidup rakyat dan ini akan sememangnya bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Langkah untuk reflate mesti ditimbang juga untuk memulih dan memajukan ekonomi supaya output dan productivity ditambahkan dan dengan itu mengurangkan masalah pengangguran. Dalam segi ini mustahak saya menyebutkan bahawa Kerajaan patut memberi sebahagian daripada pendapatannya untuk menubuhkan satu tabung khas bagi industrial regeneration untuk menolong pengusaha-pengusaha supaya dapat modal yang murah dan di samping itu Kerajaan juga dapat menggunakan sebahagian daripada tabung itu untuk mengadakan atau menambahkan kilang-kilang di kawasan-kawasan yang penting untuk membolehkan pihak-pihak swasta menyewa bagi projek perusahaan.

Dalam membentuk peluang-peluang pekerjaan dan penyertaan pihak swasta yang lebih lagi kita seharusnya juga mendalami asas fundamental iaitu creation of public confidence dalam perniagaan dan perusahaan dan keselamatan dan lebih-lebih lagi keuntungan. Apa yang negara memerlukan bukannya semua syarikat perniagaan tetapi ialah syarikat-syarikat yang boleh membawa capital yang banyak dan juga peluang pekerjaan yang banyak. Tetapi bagi seseorang investor untuk datang menanam modal mereka memerlukan bukan sahaja jaminan mulut malah mereka mesti dijamin keuntungan yang banyak atau berpatutan berdasarkan kepada kenyataan dan viability projek-projek mereka. Kebanyakan pemodal-pemodal asing merasa takut sekarang ini tentang keadaan keselamatan dalam negara terutamanya dengan penyiaran akhbar-akhbar di mana mereka memikirkan bahawa keadaan event-event yang berlaku mungkin membayangkan bahawa musuh-musuh antinasional kita telahpun ada di hadapan pintu kita. Ini adalah satu-satunya faktor yang telahpun mengurangkan daya upaya mereka untuk memodalkan dalam negara kita. Di samping itu apabila mereka mengatasi masalah ini dan apabila mereka datang ke sini yang sepatutnya kita sambut baik, sebaliknya kita pula beri amaran-amaran yang keras dengan tidak menimbang langsung bahawa pemodal-pemodal asing itu mempunyai galakan yang lebih dan peluang market yang

banyak atau potential market yang lebih di dalam negara-negara yang rapat dengan kita seperti Indonesia dan Filipina.

Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pula kita telah menimbulkan masala-masalah bagi kita sendiri terutamanya kita telah menyuruh orang-orang yang bukan bumiputra menolong bumiputra secara memberi sebanyak 30% daripada kepentingan mereka dan kepunyaan mereka sukacita saya maklumkan bahawa mereka telahpun memberi peluang ini kepada bumiputra. Tetapi pihak-pihak bumiputra sendiri telah mengambil inisiatif dan peluang dari polisi ini tetapi dalam pelaksanaan keseluruhan rancangan ini pihak-pihak bumiputra telah terbantu dalam rancangan mereka kerana kekurangan kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada pihak bumiputra. Banyak saham-saham yang diuntukkan kepada bumiputra tidak dapat diambil oleh kerana seperti mana saya katakan peluang kewangan tidak begitu banyak yang ada yang boleh digunakan oleh bumiputra dan dengan sendirinya ini telah menjadi satu masala kepada pihak yang bukan bumiputra kerana syer-syer yang direserved itu tidak diambil dan mereka terpaksa memikul interest-interest yang terkena kepada saham-saham ini dan ini menjadikan satu gejala besar kepada pemodal-pemodal yang ingin menanam modal dalam negeri ini dan ingin membantu bumiputra. Maka sudah tibalah masanya di mana Kerajaan sendiri mesti memikirkan secara mendalam untuk membetulkan keadaan ini samada dengan mengadakan tabung khas atau menambahkan bank-bank kepunyaan bumiputra.

Satu lagi faktor yang boleh mempercepatkan perkembangan perusahaan ialah cara perkhidmatan dan bantuan yang pemodal-pemodal boleh dapati dari Kerajaan atau orang-orang yang bertanggungjawab bagi menasihati pemodal-pemodal. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tentang keinginannya untuk menggunakan kuasa bagi menjadikan badan-badan atau anggota Kerajaan supaya mengambil tindakan-tindakan yang lebih rational dan lebih berdisiplin. Tetapi yang menjadi masala ialah perhubungan antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan pihak swasta. Salah satu sebab yang menjadi rumit kepada pihak swasta ialah kerana walaupun mereka ingin berdamping dan berhubung baik dengan civil servant, tetapi baru-baru ini pihak swasta telah berpendapat

bahawa dalam Civil Service sendiri ada perasaan keraguan yang timbul di antara Civil Service sendiri. Kita tidak boleh nafi yang Civil Service kita ada satu service yang baik dan penuh dengan tradition dan semangat didikasi, tetapi akhir-akhir ini Civil Service sendiri telah berpecahbelah kerana kononnya sekarang ini dalam Civil Service sendiri telah timbul dua golongan iaitu satu golongan yang boleh atau berpeluang untuk berhubung dengan pihak swasta dalam bidang perniagaan dan perindustrian di mana sebahagian daripada mereka telah menjalankan perniagaan sendiri sambil menjalankan tugasnya. Mereka ini dianggap sebagai satu golongan percentage Civil Servants. Ini telah melemahkan semangat-semangat officers yang betul-betul dedicated dan dengan adanya golongan ini juga perhubungan di antara pihak swasta dan Civil Service telahpun kucar-kacir kerana pihak swasta tidak tahu yang mana satu yang masuk dalam golongan percentage Civil Servants dan yang mana satu masuk ke golongan yang benar-benar bertanggungjawab.

Di samping itu ada pula satu golongan Civil Service di mana kenaikan pangkat mereka itu berdasarkan kepada nepotism dan favouritism. Ini juga telah menjadi satu faktor yang melemahkan efficiency dan productivity dalam pentadbiran negara kita. Saya harap perkara ini juga dapat kita hapuskan supaya pihak swasta dapat berhubung dengan lebih rapat dengan secara teratur dan tersusun pada masa-masa yang akan datang.

Satu lagi masala yang besar ialah tentang kelewatan pembayaran wang-wang pekerjaan yang telah dijalankan oleh pihak-pihak swasta dalam menjalankan kontrak-kontrak Kerajaan. Orang-orang yang menjadi mangsa yang lebih teruk ialah kontraktor-kontraktor bumiputra sendiri.

Satu lagi faktor ialah tentang unsur keraguan di pihak swasta dan kekurangan daya penarik di Malaysia bagi tanaman modal yang sebahagiannya disebabkan oleh recession dan sebahagiannya oleh masala kewangan dan juga ancaman barangkali anti-nasional.

Tetapi lebih-lebih lagi ialah disebabkan oleh kerana pihak pemodal tidak dapat menentukan dengan terang dan tepat akan peranan badan-badan seperti FIC, CIC dan FIDA.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat.

4.11 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan, 1976 dan dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin memberi ucapan dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia Ahli Yang Berhormat cukup baik.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mahu menyatakan bahawa polisi-polisi Kerajaan mestilah menujui kepada perkara-perkara dan masalaah-masalaah yang penting dan tentu berlaku di negara kita. Dengan demikian, Kerajaan eloklah memberi dengan secukupnya analisisnya analisa-analisa yang betul.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, a correct and timely analysis of our national condition is central to any policy and proposal or any recommendation that may be made. I know, Sir, the Barisan Nasional has a massive majority and it is quite conceivable that they might choose or prefer to indulge in self-confidence. But I hope, Sir, that I will be forgiven if I sound a note of caution because to me this massive majority should not be taken to mean a blanket approval and a mandate for carrying on in the same old way.

We are anxious, as I am sure that every one of us here are anxious, negara kita mestilah menjadi negara that is enlightened and really just. I say this at the outset by way of emphasising that if the record of the Sarawak National Party, which I represent, is to be examined, it will be shown that we always have the unity of the people at heart. Whether this is also the objective of every component of the Barisan Nasional, I am not sure, Sir; they have their own records to show.

The central question is this: Have we progressed substantially towards a more just and equal society? Are we convinced that Malaysia is really what the Minister of Finance said it is and if I may be permitted to quote, Sir, "free from hunger, free to choose the type of Government they want, free to earn their livelihood and above all else, free from fear"? I know there will be no lacking of people who

are prepared to tell me now that in many other neighbouring countries I won't be allowed to speak as I am now. I know also that there are other countries which are in a worst economic plight than we are. I am prepared to grant all these. But should these be our yardstick? When we are blessed with a fertile land, should the misfortune of others be an apology for whatever shortcomings that we may have. Our focus must be to fight for a more fairer redistribution of wealth. And this is the central point of my presentation, Sir. We have not progressed very much on this. Government policy and administration must be towards the eradication of poverty but also, and more importantly, towards a more equal redistribution of wealth. Malaysians have in the main been shown a tourist scenario of the Malaysian condition. The mass media of the Government—Radio, Television—present a dynamic and vibrant economy and with our penchant for publicity we see in front of the Television screen tall buildings in the urban skylines and miles of roads and massive land schemes. Our overall growth rate based on our Gross National Product certainly is very high compared with the neighbouring countries. But to be fair, Sir, we should also look at an alternative scenario not shown to the tourists—perhaps not shown in the mass media—the scenario of urban slums and dingy side lanes, the dilapidated dwellings of a rural rubber tapper, the bulging tummies of rural children suffering from malnutrition. These people constitute no less than 40% of our population of Semenanjung Malaysia. The figures for Sarawak and Sabah, as usual are not available. The Government may choose not to present this picture, but 40% of our people do not have such a choice. This is the condition of their daily lives. The analysis is quite clear that poverty is very real in some areas. It is very widespread and it is both rural and urban and those who have a per capital household income below the official Government poverty line of 25 ringgit per month constitute more than 44% of our population.

And on this analysis, Sir, the mean per capital household income of individuals in Malaysia is at M\$50 per month, and the Gini coefficient of the distribution is 0.4980. This level of inequality represents a high degree of inequality. The bottom 40% of individuals receive only 12.3% of all income while the top 5% of individuals get 28.6% of the

income. The very bottom 20% of the individuals in this country, the group defined as the "very poor" receiving a mean income of below \$15 per month, get a mere 4.3% of our wealth.

Tuan Yang di-Pertua, the basic point is this. In the midst of the apparent overall economic growth that we have, Malaysia is experiencing and there exists an increasingly marked and dominant contradiction—the existence of incidence of poverty both in an absolute definition and in marked disparity between growth. Poverty again is identifiable with rural problems. This is true for both Semenanjung Malaysia as well as Sabah and Sarawak. In human terms, we have not improved our rural lives. And in the implementation of the New Economic Policy—the policy objective that addresses itself to this very question has unfortunately been encouraging the creation of an affluent few in the midst of many who remained poor.

We have earlier this year experienced the Baling hunger strike. There may be along the way other motives connected with this, but the core issue of that strike was a demonstration of sympathy and support of the need for a more vigorous and sustained effort at eradicating marked disparity in the distribution of our wealth. It is calculated, Sir, that the magnitude of the transfer of income from the top 60% of our population, required to bring everyone who is below the poverty line to a mean income level of 50 ringgit per month amounts to a mere 8.14% of the income of the non-poverty group. It is no sacrifice on the part of the non-poverty group to transfer this amount. The question is whether the Government is prepared to enact legislation and policy to do so? The central issue in Malaysia is still the paradox that we have witnessed. I know, Sir, that we operate in imponderables, but unless the Government can provide for an equitable distribution of wealth, very soon we will be stuck in a quagmire of frustration and increasing violence.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memberi mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanja 1976 yang kita bincangkan sekarang sebenarnya cuma annual plan, tetapi bagaimanapun kita patutlah memberi analisa atas Belanja tersebut on the basis of the long-term strategy of the Government.

My initial proposition that I have tried to explain is this: our strategy must be towards a fairer distribution of our wealth. Has the 1976 Budget proposal addressed itself to this core question as part of our long-term strategy? I know the Minister of Finance at Para. 46 of his speech recognises this and, if I may be permitted to quote him, Sir, he said:

"The objective of a tax policy is not only to provide adequate revenue for the Government but also, among other things, to achieve a more equitable income redistribution which is one of the objectives of our New Economic Policy."

There is indication, Sir, that the Finance Minister has this at the back of his mind. He must be credited for it. But I think it would be over-generous to say that the Budget, while acknowledging this wisdom, sufficiently tackles it. In so far as the Minister has resorted to the principle of direct taxation this is a welcome development—in that the tax burden in principle shifts "to each according to his ability, to each according to his need". This is to be welcomed but on closer examination it appears too little. It has touched the lower middle income group but it has essentially made little difference to the very rich. Secondly, if the principle of progressivity is agreed, the floor level of chargeable income should be raised from the present \$2,500. The level should be reviewed to reflect a more realistic figure of financial needs of the low wage-earners.

Similarly, Sir, mengenai Real Property Gains Tax Bill, 1975, the principle of this Bill is again to be welcomed in so far as it attempts to check the free activities of land speculators. But somewhere in small print the small man is caught again in the net. For example, if one looks at Schedule 3, paragraph 9 of the Act, dealing with private residence, exemption is allowed if the residence is disposed of after retirement. The effect here is to penalise the ordinary man in the street, the civil servants and the small time individuals who out of genuine need, are forced to dispose of their residence before retirement. Let us agree, Sir, that exemption be allowed once—but leave the decision as to the timing of exercising that exemption to the individual concerned. Speculators will think of other more profitable loopholes than this; there is no need to block genuine cases of need.

There are other items in the budget proposals which further qualify the claim that has been made when welcoming this Budget. Though the inflationary trend is beginning to taper off, the figures we have are figures before the impact of the decision of O.P.E.C. to raise petroleum prices and this raising of prices could impinge on the cost of production in industrial countries. Only last Wednesday, Sir, Y.A.B. Perdana Menteri in reply to a question raised in this House had admitted that it was not clear what effects these price increases would have on Malaysian consumers. I would venture a guess, Sir, that this will result in some price increases. Soalannya, beberapa harga akan naik bukan bila atau jika-lau harga-harga naik. The threat of a resurgence of the inflationary trend is still here. Thus to increase Surtax by 1% to 5% on a number of imported items—including essential commodities—will only make the burden to the poorer section of our society worse. Experience suggest that traders are very agile in passing not only the increases to the final consumers but to take advantage of this to raise prices across the board—after all, the ordinary housewife and the ordinary rural dwellers cannot be expected to know which items are subject to Surtax.

One has only to look at Chapter V of the Treasury Economic Report on the Quality of Life to realise that although the Government's development efforts in providing infrastructure and other services have helped to improve the standard and quality of life of the rural people to a certain extent, there are still large sectors of the population who are below the poverty line. As an example, there is a marked disparity in the quality of housing between rural and urban areas; 69% of all rural dwellings have no electricity; 920,000 people living in the new villages need better houses, roads, drains and other amenities; 25% of the total population in the Federal Territory of Kuala Lumpur is made up of squatters, of which 67% are Chinese, 20% Malays and 13% Indians. About 85% of these squatters earn an average income of less than \$300 per month.

One of the most pressing problems is that of housing, in particular the provision of low cost houses both for the rural and the urban

poor. If we consider the phenomenal demand for low cost houses, the announcement to start a revolving fund with an initial grant of \$10 million to provide the poor with the opportunity to build their own houses under the Ministry of Housing and New Villages pales into insignificance.. It is here perhaps that if the Federal and State Government can provide suitable sites for housing, the private sector can help to supplement the Government's efforts in this direction. Again, in the Second Malaysia Plan, an allocation of \$10 million for the improvement of new villages hardly scratches the surface of the problem of the 920,000 people living in the New Villages.

Another important aspect which the Honourable Minister of Finance touched upon is the performance of the private sector. He said, "I am concerned at this poor performance (meaning that private investment declined by 5% in 1975—well below the Budget's estimated increase of 4%) since the Government looks to the private sector to play an active role in the expansion of industrial development and modernisation." I am glad that the Honourable Finance Minister has reiterated the Prime Minister's statement when he officially opened the Malaysian Investment Seminar on October 27th 1975, and I do not think I need quote the whole of that statement. One important sentence, however, is worth repeating here and I quote "Malaysia's success story is generally acknowledged and a major element in that story, also generally acknowledged, is the Government's pragmatism and fair-mindedness as well as our recognition of the important role of foreign private investment in our industrial development programme."

There is no doubt that the Government has been fairly successful in attracting foreign investment to Malaysia. Obviously, there are many attractions such as tax incentives, availability of raw materials, comparatively cheap and an intelligent labour force and, in 1973 and 1974, there has admittedly been an increase in the number of new investments in the manufacturing sector. However, as I have mentioned earlier when I referred to the decline in the number of applications for new investment projects for the first seven months of 1975 and the drop in the number of approved projects being implemented, that there are some deep rooted causes other than

recession and the uncertain economic conditions in the world at large which have brought about the decline.

Whilst red-tape and bureaucracy may be one reason to drive away the potential investor, whether he be Malaysian or foreigner, it is perhaps in the implementation of policy which has given rise to uncertainty and even despondency in the private sector. I refer to almost every Government official at different levels and in different Ministries and Departments each giving his own interpretation in the implementation of the policy of restructuring of society. We are aware, and I am sure every Malaysian, accepts the second prong of the New Economic Policy, viz., the restructuring of society so as to eliminate the identification of race with economic function and geographical location. However, in its implementation, every official and every Department gives its interpretation. One example to illustrate the point is what happened in my constituency, viz. the Customs Department has refused to register new clients of existing forwarding agents who have licences issued by the Customs Department because these forwarding agents do not have 51% bumiputra participation in their equity. Surely the Customs Department is concerned with collection of customs duties. Whether the existing forwarding agents have or do not have sufficient bumiputra equity participation should not be the concern of the Customs Department. Another example, a firm applies to the Immigration Department for a visa for a client from overseas to visit Malaysia to discuss business. The Immigration Department official asks all sorts of questions as to the capital structure of the company, how many bumiputras' does it employ. Surely, the Immigration Department's concern is whether the Company which is sponsoring the visit of the foreigner can guarantee the repatriation of the visitor in the event of him being declared an undesirable immigrant. The capital structure of the Company, or whether there is 30% or 100% bumiputra participation is not the concern of the Immigration Department which certainly has no bearing on the visa application. In fact, one can quote examples like these *ad nauseam*.

These may be pin pricks, but the sum total of all these unnecessary pin pricks is to drive the existing or potential investor away.

There already has been so much controversy and anxiety about the Industrial Coordination Act. What is required to dispel all these uncertainties and anxieties is for Government to ensure that there is one central organisation to interpret or implement the restructuring of society policy. Poor implementation or even semblance of improper implementation of what are declared policies of the Government are unnecessary encumbrances to not only potential but also existing investors.

Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbangkan samada kita hanya memerlukan satu badan pusat yang diamanahkan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dengan teratur khususnya di bidang menyusun semula masyarakat.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, satu minit lagi.

Tuan Lew Sip Hon: Before I conclude, I would like to congratulate the Honourable Minister of Finance for his egalitarian approach to his new direct taxes, such as the income tax, property gains tax and death duties. There is no doubt that the concept of progressivity in respect of direct taxation such as income tax, is in line with using the Budget to bring about greater equity in income distribution as a means to maximisation of social benefits. In fact, even in many advanced countries economic growth *per se*, whilst necessary, is not a sufficient condition for achieving a more equitable and just society. In the same vein, I would say that increases in indirect taxation should also be viewed as part of the social cost and social benefit concept and in this regard, the increase in import duties on fruits, motor cycles, electrical appliances, even cosmetics and watches (which today are no longer luxuries) should not reach the point where it adds to the burden of the lower income groups. However, far more important than increasing the taxes, whether direct or indirect, is to ensure that the machinery for revenue collection is well geared to achieving the desired results and not leave room for corruption and smuggling to siphon the revenue to other people's pockets instead of to the Government's coffers.

Saya tidak berasa ragu-ragu lagi bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan, apabila beliau membentangkan Belanjawan Kedua di

Dewan Rakyat ini telah patuh kepada tradisi pengurusan kewangan yang bijak dan berwaspada dan cara yang boleh diubah-ubah itu akan menuntukan bahawa segala cadangan-cadangan akan memberi reaksi yang cepat dan berkesan kepada cabaran sosial, politik dan ekonomi di masa yang akan datang.

5.35 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sukacita saya mengucapkan tahniah kepada beliau kerana pada pendapat saya Budget 1976 ini adalah suatu Budget yang mendapat pujian rakyat-jelata, kecuali orang-orang hartawan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as we all know, this is the Second Budget delivered by our Minister of Finance, this Budget can be said to be reasonable considering the fact that our country is hard hit by recession and inflation and we have managed to ride over the worst of recession and inflation. We hope that it would not be long when we can get out from the long and dark tunnel and see the light. We all know from the world economists that the economy of the world, particularly in the industrialised countries, is slowly recovering, and it would not be too long, we hope, that Malaysia, our country, will also pick up its economy.

Mr Speaker, Sir, every one of us is pleased to hear from the Minister when he said, and I quote, "The Barisan Nasional Government is fully committed to the creation of a just society". It is fully committed to the programmes of social integration and more equitable distribution of income and opportunities for national unity and progress. It is fully committed to reduce and eventually to eradicate poverty among all Malaysians, irrespective of race, and it is fully committed to restructure Malaysian society in order to correct racial economic imbalance in the context of an expanding economy. Kita semua mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemiskinan ada terjumpa di mana-mana di dalam negeri kita ini. Ada orang miskin di dalam kampung-kampung, ada orang miskin di kampung-kampung baru dan ada orang

miskin di pekan-pekan. Contohnya, di kawasan saya, Alor Setar, lebih kurang dua batu dari pekan Alor Setar ada terdapat kampung-kampung yang tidak dapat bekalan elektrik, air paip, longkang-longkang yang tak sempurna dan juga jalan-jalan raya. Serupa juga terdapat di kawasan saya yang jauhnya cuma satu batu dari pekan, satu kampung baru, keadaan longkang-longkang di kiri kanan jalan raya itu tersangat kotor, penuh dengan sampah-sarap di situ terdapatlah nyamok-nyamok bertelur seperti nyamok dinggi dan lain-lain. Tong-tong sampah pula sudah beberapa hari tidak diangkat menjadikan sampah berlonggok-longgok dan kelihatan kotor, apabila diberitahu kepada Lembaga Bandaran

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya harap pada masa berucap pandang-pandang sama di sini kepada saya.

Tuan Oo Gin Sun: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan.

Tuan Oo Gin Sun: kepada Lembaga Bandaran, jawapannya, Majlis Bandaran cuma ada sebuah lori sahaja untuk membawa sampah di dalam pekan Alor Setar. This state of affairs does not create a good image for the Government, particularly when the emphasis now is to eradicate poverty.

Everyone in this House agrees that the Second Malaysia Plan was a laudable one as the intention of the policy makers was to uplift the poorer strata of society. Somehow or other, when the implementation of such a policy is carried out, there is a tendency from the Government agencies to deviate from such a policy when implementing it. The end result is that certain section of the population feel, rightly or wrongly, that they have been left out or neglected by the Government. The key to unite the nation, particularly when a nation consists of so many races, is equitable implementation of Government policies. Let the people not only feel but see that the Government cares for every sector of the communities.

In fact, two days ago one of our beloved Sultans in Malaysia stated that the Government must think properly and deeply when implementing policies; they must implement policies in such a way that the people can feel

that they have a stake in this country. This will also be an effective instrument to counter the propaganda generated by anti-national and anti-social forces that the Government is only catering for only one sector of the populace. We hope that when the Third Malaysia Plan is implemented Malaysians of all races, particularly the poor, will not only dream but will be able to feel and see that the Third Malaysia Plan is meant for all Malaysians of all races so that they can have a better tomorrow. So let us hope that the implementation of the Third Malaysia Plan is carried out judiciously and equitably so that Malaysians of all races can benefit from such a plan.

We all know that our society must be restructured in the context of an expanding economy. I am sure, everyone in this House agrees that in order to have a united nation, our society must be restructured to reflect the racial balance. How is it to be carried out and in what manner is it to be carried out is the question. At the moment every Government agency takes upon itself to carry out such restructuring and I wish to echo the sentiments stated earlier by the Honourable Member for Shah Alam—every officer from the top to the bottom tends to do so on their own without any proper directive and in being over-zealous, misunderstanding frequently occurs with the result that unnecessary heat and emotion are generated. I have come across a case where a junior officer was instructed by a Government agency to investigate into a complaint of the dismissal of an employee in a firm for indiscipline. Instead of investigating the complaint, he questioned the management on the restructuring of the company's affairs, which I am sure he had got no business to do so. Perhaps the Government can look into this area and create a central agency solely to look into the restructuring of society so as to eliminate all confusion and misunderstanding. By doing so, the implementation of restructuring the society can be carried out properly for the benefit of all Malaysians.

5.44 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Kewangan pada 6hb November, 1975 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan ataupun perbincangan di atas Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan itu terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan serta juga pegawai-pegawai yang ada di dalam Kementeriannya kerana telah begitu meneliti dengan halus sehinggakan perkara-perkara yang tertentu sahaja, perkara-perkara yang melibatkan orang-orang mempunyai kekayaan sahaja terlibat di dalam kenaikan cukai ini. Dengan keadaan cukai-cukai yang baru ini pihak rakyat telahpun menerima dengan puas hati dan telahpun mengucapkan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Kementerian Kewangan yang telahpun sama-sama menimbang rasa di atas kedudukan-kedudukan rakyat yang sebenarnya. Mereka berpendapat inilah satu cara yang sebenarnya Kerajaan hendak menolong rakyat daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin katakan di sini ialah berkenaan dengan keselamatan yang ada pada hari ini. Kalau kita kaji dengan sehalus-halusnya tentulah keselamatan negara adalah punca segala-galanya, terutamanya kita tidak merasa kebahagiaan kalau keselamatan kita terancam, kekayaan tidak akan berguna, kalau keselamatan kita terancam dan juga keadilan tidak dapat tercipta, kalau keselamatan kita terancam. Dalam masalah keselamatan ini, kalau kita kaji pada keseluruhannya, tentulah kita dapati anasir-anasir yang berada di dalam bandar ini sudah tertentunya bukanlah terjadi dengan sendirinya bahkan sudah tentulah anasir-anasir ini diserapi atau dimasuki daripada sempadan-sempadan, samada sempadan di sebelah Timur Malaysia ataupun daripada Barat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah ini saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana kita tahu dalam Anggaran Belanjawan ini juga mendapat anggaran peruntukan yang lebih pada tahun 1976. Apa yang perlu bagi pihak Kementerian ini ialah supaya mengkaji sedalam-dalamnya akan penubuhan Pasukan-pasukan Keselamatan di masa yang akan datang. Saya rasa dengan adanya Pasukan Keselamatan pada hari ini sudah tentulah tidak mencukupi bagi mengawal keadaan yang ada dan kemungkinan pihak Kerajaan akan mengambil orang-orang baru untuk dijadikan Pasukan-pasukan Keselamatan seperti

Polis dan sebagainya. Di dalam pengambilan orang-orang baru ini, saya harap pihak Kerajaan dapat menubuhkan satu pasukan khas di sebelah sempadan dinamakan dengan "Border Security Unit" ataupun "Border Security Squad" yang mana pasukan ini ditugaskan khas untuk menjaga keselamatan-keselamatan di kawasan-kawasan sempadan sahaja. Ini adalah satu cara yang boleh menahankan daripada kemasukan-kemasukan anasir jahat ataupun mereka yang berada di dalam hutan itu supaya dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua dalam masalah keselamatan juga saya telah bercakap di dalam Dewan ini, kalau tidak silap saya pada 19hb November, 1974 dahulu bahawa saya telah meminta pihak Kementerian mengkaji kedudukan hutan rimba yang ada di sebelah sempadan dan kalau perlu kawasan-kawasan yang boleh dibuka untuk diberikan kepada orang ramai tidak mengira bangsa dan kaum, maka kawasan ini hendaklah dibuka dan dijadikan perkampungan-perkampungan yang baru ataupun kebun-kebun yang baru. Dengan adanya perkampungan-perkampungan ini, di samping adanya Pasukan-pasukan Keselamatan Khas yang bertugas di sini, maka sudah tentulah kawasan-kawasan ini dapat menghapuskan sedikit demi sedikit anasir-anasir jahat yang cuba meresapi dan memasuki di dalam kawasan Malaysia kita ini. Dengan keadaan ini juga pihak Kerajaan kita dapat mengatasi masalah-masalah kekurangan tanah, masalah-masalah kekurangan tapak-tapak perumahan dan berbagai-bagai masalah lagi pihak Kerajaan akan dapat mengatasinya. Ini saya rasa adalah satu cara yang boleh dimainkan peranannya oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Perkara yang ketiga, saya ingin menarik perhatian Dewan pada petang ini ialah dari segi keselamatan juga tentang sekatan-sekatan sebagai Imigresen, Pejabat Kastam, Balai Polis di kawasan sempadan. Di sini saya dapati kerjasama di antara Jabatan-jabatan yang berkenaan tidak begitu memuaskan dan tidak begitu baik kalau dipandang dari segi sepintas lalu. Saya pernah menemui beberapa orang anggota atau pegawai-pegawai yang bertugas di sana, bila saya tanya seorang yang baharu masuk daripada negara jiran yang masuk ke Kroh, katanya tugas Kastam, tugas kami hanya memeriksa barang-barang, tentang kebenaran masuk kita tidak peduli. ada passport, tiada

passport kita benarkan, kita tidak kira dan tidak peduli langsung. Saya bertanya kepada Pegawai Imigresen, katanya, kami hanya bertugas berkenaan dengan passport atau 'border pass', pass sementara dan kami tidak peduli berkenaan motokar dan barang-barang yang dibawa masuk. Dengan keadaan ini, kita dapati di antara Jabatan tidak ada kerjasama yang memuaskan. Apa yang saya harapkan, pihak Kementerian yang berkenaan samada Kementerian Pertahanan ataupun Kementerian Dalam Negeri yang berkenaan supaya dapat menyelaraskan pentadbiran di sebelah-sebelah sempadan. Jadi dengan ini adalah satu jalan boleh kita menghadapi masaalah-masaalah kemasukan-kemasukan dan masaalah-masaalah penyeludupan yang sering berlaku di kawasan-kawasan sempadan.

Saya timbulkan masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bersabit pada beberapa bulan yang lepas, kalau tidak silap saya, ada satu bungkus beras yang diseludup masuk dan dapat ditangkap oleh pihak Kastam dan di dalam beras itu ada senjati. Masaalah penyeludupan-penyeludupan ini dimasukkan dengan senjati. Ini satu masaalah yang perlu pihak Kementerian mengatasi daripada satu masa kesatu masa supaya senjata-senjata dan perkara-perkara yang lain yang boleh merosakkan negara kita ini tidak terus masuk dengan secara penyeludupan-penyeludupan ini. Jadi saya mintalah Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat menyelaraskan pentadbiran di antara Jabatan-jabatan Polis, Imigresen, Kastam, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Daerah dan sebagainya supaya dapat sama-sama kita menjalankan gerakan-gerakan atau menjalankan sekatan-sekatan bagi mengatasi dan menyekat segala bahan-bahan ini masuk ke dalam negara kita yang mungkin merosakkan negara kita juga.

Di sini, saya ingin juga mengambil kesempatan ingin menyatakan kepada keluarga-keluarga mendiang Tan Sri Khoo, CPO Perak dan Sergeant Yeong mengucapkan takziah di atas kemalangan yang telah berlaku yang mana ini adalah satu daripada anasir-anasir jahat, anasir-anasir komunis. Jadi sudah sepatutnyalah semua rakyat di dalam negara kita ini mengutuk kejadian-kejadian dan perbuatan-perbuatan yang kejam yang telah dilakukan oleh anasir-anasir yang jahat ini. Tetapi di dalam pada itu, saya juga berasa dukacita di atas sikap

pentadbiran yang tidak begitu licin, yang tidak begitu memuaskan, kerana kita tahu pada keseluruhannya pihak-pihak Pasukan Keselamatan, terutamanya mata-mata atau anggota-anggota Polis selalunya ada ditugaskan di mana-mana simpang dan di tempat-tempat yang berlampu isyarat. Malangnya kejadian yang berlaku di Ipoh, kita tidak dapat tahu samada Pasukan Keselamatan ada ditugaskan di situ atau tidak, sedangkan di tempat itu perlu untuk ditugaskan, kerana pada masa itu ialah kanak-kanak sekolah yang ramai menyeberang jalan dan juga di situ ada satu lampu isyarat. Dan sudah sepatutnya satu ataupun dua orang anggota Pasukan Keselamatan mestilah bertugas di situ untuk menjaga keselamatan kanak-kanak sekolah dan juga menjaga lampu isyarat kalau-kalau lampu isyarat itu mati apinya. Pada hari kejadian itu kita dapati barangkali tidak ada ataupun boleh jadi orang-orang yang bertugas di situ menjalankan tugasnya di tempat lain pula.

Apa yang perlu bagi kita. Tuan Yang di-Pertua, di dalam masaalah ini, saya bukan hendak mengatakan semua anggota-anggota itu tidak baik, tetapi cuma ada seorang, dua orang. Tetapi di dalam masaalah pengambilan orang-orang baharu ataupun pengambilan anggota-anggota baharu untuk menjadi Pasukan Polis di masa yang akan datang, maka janganlah dipilih calon-calon daripada SPM atau MCE dan saya minta supaya Kementerian memilih calon-calon yang berkelulusan Darjah 5 dan 6 dan mempunyai pengetahuan lebih kurang bahasa Inggeris. Kerana kalau kita tidak tahu dalam bahasa Inggeris sekalipun, maka sudah tentu susah sedikit, terutamanya kepada pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri yang sesat dan bertanya jalan itu dan ini kepada anggota-anggota Polis yang bertugas di tepi jalan. Tetapi dalam masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka tegaskan di sini bahawa perkara ini pernah diceritakan oleh seorang rakan saya yang mengatakan ada seorang dua yang berkelulusan SPM tetapi tidak dipilih untuk dinaikkan pangkat sebagai Kopral, Lans Kopral ataupun Sergeant tetapi telah ditugaskan untuk menjaga beat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kita sedang membincangkan dasar am, perkara itu boleh dibawa perbincangan semasa di dalam Jawatankuasa nanti.

Tuan Shamsuddin bin Din: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya menarik perhatian di dalam segi keselamatan juga. Saya minta Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula dalam masaalah pembuangan daerah bagi orang-orang yang telah dihukum buang daerah oleh Mahkamah. Ini satu perkara yang saya minta perhatian supaya kawasan-kawasan yang terpencil seumpama di dalam daerah-daerah Ulu Perak, daerah-daerah sempadan, janganlah hendaknya orang-orang yang telah dihukum dengan hukuman buang daerah ini, dibuang ke daerah tersebut, kerana ini mendatangkan bahaya kepada kawasan-kawasan yang di sebelah daerah-daerah yang bersempadan. Apa yang telah difahamkan ialah mereka ini mungkin menjalankan kegiatan-kegiatan untuk mempengaruhi pemuda-pemuda atau belia-belie di dalam kawasan yang dibuangkan itu. Jadi, itulah sahaja yang dapat saya katakan, Tuan Yang di-Pertua.

6.00 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya suka memberi pendapat-pendapat saya terhadap cukai-cukai yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 1976 pada 6hb November, 1975.

Saya yakin rakyat jelata, melainkan golongan atasan, tidak akan membangkang Kerajaan mengenakan cukai 55% terhadap orang yang berpendapatan lebih 75 ribu ringgit setahun dalam cukai pendapatan. Di sini saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan patut menambahkan potongan pendapatan seseorang dari \$2,000 ke \$4,000 atau \$5,000 memandangkan keadaan inflasi sekarang oleh sebab nilai \$2,000 pada sepuluh tahun dahulu adalah lebih bermutu daripada \$4,000 atau \$5,000 sekarang.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan membatalkan kenaikan cukai-cukai yang dikenakan ke atas buah-buahan dari negeri asing, jam tangan, jam dan motorsikal, oleh kerana kenaikan cukai-cukai ini akan mempengaruhi golongan bawahan dengan teruk, khasnya motorsikal sudah menjadi kenderaan penting kepada rakyat golongan bawahan dan buruh. Sekiranya Kerajaan hendak memerangi keadaan inflasi, ia bukan sahaja tidak patut menaikkan cukai-cukai ini tetapi membatalkannya supaya mengelakkan berlakunya lain inflasi.

Barangkali Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan bertanya, sekiranya cukai-cukai tersebut dibatalkan, macam mana boleh dapat wang? Jawapan saya ialah dengan menaikkan cukai judi. Permainan judi di negeri kita ada bermacam-macam jenis, saya percaya tiap-tiap bulan wang yang dibelanjakan oleh rakyat di pihak judi berjuta-juta ribu ringgit. Sekiranya Kerajaan menaikkan cukai judi, saya percaya Kerajaan boleh dengan senangnya mengseimbangkan kerugian atas pembatalan cukai-cukai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menduduki tempat yang pertama dalam perbelanjaan tahun depan. Perbelanjaan ini adalah betul, tetapi apa yang menjadi masaalah ialah adakah perbelanjaan ini dijalankan dengan adil dan rasional atau tidak?

Saya fikir Kementerian Pertahanan menduduki \$1.000 juta ringgit dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menduduki \$500 juta ringgit, adalah tidak sesuai. Saya merayu Kerajaan supaya memotong bahagian perbelanjaan kedua-dua Kementerian ini dan memperuntukkan kepada Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya wang rakyat dibelanjakan dengan berfaedah dan bukan non-productive.

Mengenai pentadbiran Kementerian-kementerian Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pentadbiran Kementerian Kerajaan adalah tidak memuaskan hati. Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Kabinet, beliau menyatakan Kabinet beliau adalah Kabinet Action-Oriented tetapi sebenarnya ada setengah pentadbiran Kementerian sudah dibuktikan lebih baik dan sesuai disebutkan "Oriented Tidak Tindakan". Saya boleh memberi contoh: Kementerian Kerajaan Pusat termasuk Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru sehingga Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan-jabatan Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya pernah menulis surat mengenai masaalah-masaalah yang melibatkan Kementerian-kementerian tersebut, tetapi hampir setahun saya langsung tidak menerima surat jawapan

atau surat acknowledgement. Tuan Yang di-Pertua, adakah ini Kabinet Oriented Tindakan? Ini sesungguhnya adalah Kabinet Oriented tidak Tindakan.

Di samping itu, ada setengah pegawai-pegawai Kerajaan, sikap mereka seperti seorang tuan rakyat. Ketika saya berdamping dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, melainkan semestinya, saya tidak menunjukan saya adalah seorang Wakil Rakyat, tidak dinafikan ada setengah pegawai yang bersopan santun, tetapi ada setengah pegawai Kerajaan bukan sahaja tidak bersopan santun, tetapi bangga, sehingga saya menyatakan saya adalah Wakil Rakyat, baru mereka mengubah sikap. Inilah sebabnya kenapa rakyat jelata tidak suka dan takut berhubung dengan pegawai Kerajaan. Saya selalu dengar pemimpin Kerajaan menyeru pegawai Kerajaan supaya bersopan santun dengan rakyat. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan pandangannya mengenai perkara ini.

Saya berasa gembira atas ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengaku bahawa kita belum lagi mencapai perpaduan negara, tetapi mengaku dan mengetahui adalah satu perkara, Kerajaan adakah mengambil tindakan untuk membetulkan kepincangan ini adalah perkara lain.

Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa kita masih lagi terpisah mengikuti garis-garis perkauman dalam sikap, pendirian dan tindakan kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang salah? Kerajaan Barisan Nasional sendiri membahagikan rakyat kita kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Dengan ini, saya boleh katakan kesalahan ini adalah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, biar kita mengikut perkataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa jangan sembunyikan sampah di bawah permaidani, biar kita berani menghadapi masalah dan berazam untuk menyelesaikannya. Masalah yang serious sekali dihadapi oleh negara kita ialah masalah perkauman—orang Melayu, orang China, orang India, orang Iban dan orang Kadazan masing-masing menuju mengembangkan perkauman. Perkembangan ini adalah merbahaya.

Sebagai seorang rakyat Malaysia keturunan China untuk kepentingan masa depan negara, saya bertanggungjawab mengeluarkan

kan kemahuan dan perasaan orang-orang China kepada Kerajaan. Kesalahan yang amat besar sekali ialah Kerajaan mengangap MCA dan GERAKAN boleh mewakili rakyat Malaysia keturunan China. Sebenarnya, rakyat Malaysia keturunan China, khasnya sejak tahun 1969, bukan sahaja tidak mengaku bahkan menolak MCA dan GERAKAN mewakili mereka. Barangkali Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKAN akan menyatakan kemenangan mereka sudah membuktikan orang China menyokong MCA dan GERAKAN tetapi mereka mesti ingat macam mana mereka menang.

Jika Kerajaan tidak bodoh, Kerajaan mesti mengetahui kebanyakan orang China tidak puas hati terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Di sini saya suka memberi beberapa misal bagaimana orang China tidak puas hati terhadap Kerajaan Barisan Nasional:

- (1) Kerajaan Barisan Nasional membahagikan rakyat Malaysia kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Pembahagian Kerajaan Barisan Nasional ini sudah memecahkan perpaduan rakyat Malaysia dan menuju ke pembahagian perkauman. Mengapa orang China dan India yang dilahirkan di sini tidak disebutkan bumiputra? Kami dari DAP menganggap kebanyakan orang Melayu adalah miskin dan orang Melayu yang miskin itu patut dan seharusnya diberi hak keistimewaan untuk meninggikan taraf kehidupan mereka, begitu juga kebanyakan orang China dan India adalah miskin juga, mereka juga patut diberi layanan yang istimewa. Berkenaan dengan orang Melayu yang kaya, mereka seharusnya bersama dengan orang China dan India yang kaya, tidak berkecualan menikmati hak-hak keistimewaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan Barisan Nasional supaya membatalkan dasar-dasar perkauman, jangan membahagikan orang Malaysia kepada bumiputra dan bukan bumiputra, menukarkan Badan-badan seperti MARA dan UDA yang mana untuk menjaga bumiputra tetapi hanya menjaga kepentingan segolongan pemimpin UMNO yang berjawatan tinggi di Kementerian Kerajaan ke Badan-badan untuk menjaga golongan yang tidak ada tanpa mengira bangsanya.

- (2) Dasar Pelajaran dan Dasar Bahasa, Kerajaan Barisan Nasional. Saya sedar bahawa masalah bahasa sudah menjadi masalah sensitif, tidak benarkan rakyat berbincang termasuk Wakil Rakyat mengemukakan di Dewan ini. Walaupun Kerajaan boleh menutupkan mulut rakyat, tetapi bolehkan Kerajaan mengharamkan fikiran rakyat?

Berkenaan dengan Dasar Pelajaran, saya tidak sedar kenapa Kerajaan selalu menghina dan menekan pelajaran China. Contohnya, pada 27hb bulan lalu, ketika parti kami mengemukakan Rang Undang-undang bagi memindahkan Akta Pelajaran 1961, untuk membatalkan kuasa Menteri Pelajaran menggunakan haknya menukarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ke Sekolah Rendah Kebangsaan, pada hari yang sama, saya mengetahui Menteri Pelajaran menemui wakil-wakil Pertubuhan Pelajaran China dan memberi amaran kepada mereka supaya jangan mengadakan Peperiksaan Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China. Sebagaimana yang saya ketahui, mengadakan Peperiksaan Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China tidaklah melakukan apa-apa kesalahan dan selaras dengan semangat Perlembagaan negara kita. Saya minta Menteri Pelajaran memberi keterangan di dalam Dewan ini kenapa beliau berbuat demikian dan samada Kerajaan Barisan Nasional akan kemukakan satu Rang Undang-undang supaya mengharamkan Sekolah-sekolah China Persendirian mengadakan peperiksaan persatuan dan apakah pendapat-pendapat MCA dan GERAKAN terhadap perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKAN tidak berani bercakap oleh kerana mereka hendak menjaga jawatan dan kepentingan mereka, tetapi kami dari DAP mesti bercakap oleh kerana orang China menganggap bahasa dan pelajaran mereka sedang disiksa oleh Kerajaan, bahasa dan pelajaran mereka tidak dapat kedudukan yang adil dan menasabah. Saya sudah beberapa kali berkata bahasa bukan alat yang penting untuk menyatupadukan rakyat, jadi memberi kedudukan pelajaran dan bahasa yang adil dan menasabah kepada sesuatu bangsa tidak akan mendatangkan kerugian kepada negara. Sekiranya

masaalah tersebut dapat diatasi oleh Kerajaan saya percaya setengah daripada masalah yang dihadapi oleh Kerajaan akan dapat diselesaikan.

Dalam Perenggan 82 Ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berbunyi: "Kerajaan Barisan Nasional adalah berpegang teguh kepada dasarnya untuk mewujudkan satu Masyarakat Adil". Ini adalah bohong, Tuan Yang di-Pertua. Di sini, saya suka memberi satu contoh untuk membuktikan tuduhan saya ini. Pada 12hb Jun tahun ini, Pegawai Pembangunan Negeri Perak memberitahu saya bahawa Kerajaan Pusat sudah memperuntukkan sepuluh ribu ringgit kepada saya untuk perkembangan dan kerja-kerja projek kecil dalam kawasan saya dan minta cadangan-cadangan daripada saya. Ketika saya bertanya rakan parti saya samada mereka menerima surat edaran ini, tetapi jawapan mereka semua "Tidak". Pada ketika itu saya berasa ini adalah kemujuran penduduk-penduduk kawasan Batu Gajah. Selepas saya mengumpulkan pendapat-pendapat daripada rakyat, maka pada 24hb September, 1975 saya mengemukakan cadangan-cadangan saya kepada Pegawai Daerah Batu Gajah. Malangnya, pada 4hb November, 1975 saya menerima sepucuk surat dari Pegawai Pembangunan Negeri Perak menyatakan bahawa Kerajaan hendak menarik balik sepuluh ribu ringgit itu oleh kerana surat yang bertarikh 12hb Jun, 1975 itu tidak patut dialamatkan kepada saya dengan huraian bahawa "Kesilapan telah berlaku kerana pejabat ini telah berpanduan kepada Buku Harian Rasmi Negeri Perak tahun 1975 di mana perhubungan parti tuan dimasukkan sebagai Barisan Nasional".

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya bukan seorang Wakil Rakyat Barisan Nasional, kebajikan penduduk-penduduk kawasan Batu Gajah diseksploitasi. Adakah ini yang disebutkan Masyarakat Adil" seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Apakah jenis Masyarakat Adil ini? Ini adalah satu perbuatan khianat Barisan Nasional, menggunakan wang membayar cukai untuk Ahli-ahli Barisan Nasional mengambil hati rakyat. Perbuatan ini adalah berdosa dan serious. Saya minta Menteri yang berkenaan itu memberi penjelasan dan keterangan kepada penduduk-penduduk kawasan Batu Gajah dan semua rakyat di Malaysia, samada Kerajaan tidak menjaga

kawasan yang dimenangi oleh Parti Pembangkang dan menganiayai penduduk-penduduk kawasan Parti Pembangkang.

6.18 ptg.

Puan Chow Poh Keng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, di samping bercakap dalam Bahasa Kebangsaan, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Wanita-wanita di negara ini ingin memberikan tahniah kepada Kerajaan yang mempunyai sifat progresif dalam melaksanakan dengan jayanya penyemakan semula Rang Undang-undang terhadap Undang-undang Cukai Pendapatan Persendirian yang membenarkan penaksiran berasingan untuk suami isteri yang bekerja. Ini adalah rasional, berputatan, progresif dan langkah perekonomian yang kukuh.

Walau bagaimanapun, Kerajaan hendaklah melangkah setapak lagi untuk menimbangkan cukai berasingan bagi semua wanita tanpa mengira samada dia seorang isteri yang bekerja. Maksud saya seorang isteri dengan gaji yang dibayar oleh majikan atau bekerja sendiri.

(*Dengan izin*) Women must be treated as individuals and must be considered as separate human entities and should not be considered as part of their husbands. Wanita must be given a sense of

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Aren't they the better half?

Puan Chow Poh Kheng: The better half must be given a sense of independence and encouragement to participate in business. The country will lose the work force of the better half which should be achieved, but instead they become passive because without acquiring separate taxation from the husband's income they will have no incentive to venture into self-employment. Besides, after considering the taxes on the joint income of the husband and wife, it will not be worthwhile to involve in self-employment. Therefore, I feel that it is fairer that the Government should revise this joint taxation into separate taxation not only applicable to working wives but also to all wives who engage in self-employment.

Tuan Yang di-Pertua, in the case of family businesses in which a wife is being employed there is an excuse to apprehend that businessmen will raise the salaries of their wives so

as to evade high income tax from the Government. However, the Government can always assess the value of the correct salary of the wife according to her professional achievement. All of us know that the Government has sufficient labour statistics to find out what salary a wife should receive according to her ability of work, that is, whether she is professionally qualified or had long working experiences.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan memberikan satu contoh yang paling senang. Mrs X menguruskan kedai suaminya, beliau bukan seorang wanita yang berkelulusan professional tetapi mempunyai pengalaman-pengalaman perniagaan yang berguna sepanjang tahun-tahun perniagaannya dan dengan demikian gajinya adalah lebih kurang \$800. Tetapi kalau si suami dengan sengaja memberikan gaji hingga \$3,000 cuma kerana hendak mengelakkan cukai pendapatan yang tinggi disebabkan isterinya membayar cukai berasingan, saya berkata beliau tidak akan berjaya mengelakkan cukai itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan boleh menahan pembayaran kepada Mrs X dan gajinya akan disemak mengikut tingkatan gaji dari Bahagian Perangkaan Perburuhan. Saya dapat memahami bahawa ini akan menimbulkan kesulitan dan kerja yang lebih kepada bahagian itu, tetapi sebaliknya mungkinkah rakyat dalam negara ini dihindarkan dari hak mereka semata-mata kerana kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, another loophole which I would like to point out is that a married couple still can evade joint taxation by staying together as husband and wife without getting legally married though this may be a ridiculous situation. Couples living together but are not married enjoy a higher tax relief of two single persons so long as this possibility exists—though not widely practised, it is a sufficient cause.

Tuan Yang di-Pertua, on Friday, one of the Honourable Members touched on the subject regarding cosmetics and the beauty of women. Since, Sir it is an interesting subject I would like to debate further on that subject. Women, by nature, are conscious and proud of their beauty and human beings like to admire beauty for "a thing of beauty is a joy forever" which is a phrase that everybody is quite familiar with. The world would be a dull and uninteresting habitat of all

women were ugly, careless and dressed shabbily. It is being argued constantly by experts on beauty and eventually they agreed and declared that it is a sin if women, given a chance to improve themselves physically, choose to ignore it either out of carelessness or ignorance. Cosmetics make up is one of the remedies to improve one's look not only to beautify but also to improve the skin—believe it or not (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: But not too much of it. (*Ketawa*).

Puan Chow Poh Kheng: It is just like medicine, for example, for pimples on the face, blemishes, blackheads, etc. Even our gentlemen also seek such treatment nowadays. (*Ketawa*).

I will now draw the attention of the House to the fact that hairdressing saloons for men operated by ladies are mushrooming all over the city and we cannot deny that lots of cosmetics are being used in such parlours—there you are—cosmetics are also being used by everyone irrespective of their sexes. So, I hope the Government would be more considerate and not impose too high a tax on cosmetics which, though not a necessity, is something which is almost a must for all women.

Tuan Ngan Siong Hing: What sort of men use cosmetics?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please proceed.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, the next subject I would like to speak upon is the Intestacy Act. According to this Act, if a husband dies intestate, one-third of his estate will be entitled to his surviving wife but if the wife dies intestate the reverse is not the same. The husband will have the right to be entitled to all her property. In such a case when the whole property is given

to the husband, there is no guarantee that the children will be given a fair portion which, according to the Intestacy Act, is two-thirds of the estate of the deceased. This is, I am sure, Tuan Yang di-Pertua, a very unjust and sad affair at the expense of the women. There are many cases of rich illiterate women in the rural areas who do not understand the law, who are old-fashioned and also superstitious. They think that once a Will is made they will die soon. So they die intestate and the property accordingly goes to the husbands which actually I am sure is not the true wish of the women because all the women, being a woman myself, naturally will worry over the future of the children.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: How long more are you going to speak, Yang Berhormat?

Puan Chow Poh Kheng: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Puan Chow Poh Kheng: One minute.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Just one minute? Wind up your speech then.

Puan Chow Poh Kheng: Therefore, I appeal to the authorities to consider seriously this Act and hope that this Act will be revised so that the fixed portion of the estate of the husband who dies intestate will also reversely apply to the case of a wife who dies intestate. This Act is already obsolete and we must move along with the times for the women of today are different from the women of yesterday.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The time is up. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang.